



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

JILID 2

RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI DI
KAWASAN PARLIMEN

ZON TIMUR

KAWASAN PARLIMEN
2024



Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

ZON PANTAI TIMUR

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Dr Thanaraj Murudi

Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

Mohamed Daniel Mokhtar



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

(Society for Promotion of Sustainable Development Goals)

A-1-10, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1

46050 Petaling Jaya, Selangor

© Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

(Society for Promotion of Sustainable Development Goals) 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan, atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit. Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam buku ini adalah pandangan pengarang dan mungkin tidak semestinya mencerminkan pandangan penerbit.

ISBN: 978-629-7752-02-0

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR – Nur Rahmah Othman	I
PENDAHULUAN – Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III
BAHAGIAN SATU LAPORAN P.026 KETEREH (KELANTAN)	
A. Laporan Lawatan Pemetaan Isu	3-9
B. Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	11
2.0 Pemetaan Isu	12-35
3.0 Pengutamaan Isu	36-39
BAHAGIAN DUA P.038 HULU TERENGGANU (TERENGGANU)	
A. Laporan Lawatan Pemetaan Isu	42-49
B. Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	51
2.0 Pemetaan Isu	52-73
3.0 Pengutamaan Isu	74-77
BAHAGIAN TIGA P.085 PEKAN (PAHANG)	
A. Laporan Lawatan Pemetaan Isu	80-88
B. Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	90-91
2.0 Pemetaan Isu	91-109
3.0 Pengutamaan Isu	110-118

BAHAGIAN EMPAT | P.087 KUALA KRAU (PAHANG)

A.	Laporan Lawatan Pemetaan Isu	121-127
B.	Laporan Pemetaan Isu	
	1.0 Pengenalan	129
	2.0 Pemetaan Isu	130-141
	3.0 Pengutamaan Isu	142-148

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui.

Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

Bil.	Zon/Wilayah	Negeri	Daerah/Bahagian	Parlimen	Kod	Nama Ahli Parlimen	Parti	Ketua Penyelidik APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim

17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN-BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH-AMANAHA	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan

25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN-UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	
Perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik kilang 	
Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung 	Organisasi / Persatuan <ol style="list-style-type: none"> 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none">• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan

	<ul style="list-style-type: none"> • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN SATU

LAPORAN P.026 KETEREH (KELANTAN)



BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.026 KETEREH

2 - 4 Februari 2024 (Khamis - Sabtu)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

- 1: Sesi Dialog bersama petani tempatan di Pusat Pengumpulan Tebu
- 2: Sesi Dialog bersama Belia di Kg Binjal
- 3: Sesi Dialog bersama Kumpulan Veteran
- 4: Sesi Dialog bersama NGO

HARI 2

- 5: Sesi Dialog bersama ibu tunggal
- 6: Sesi Dialog bersama Kumpulan Rukun Tetangga
- 7: Sesi Dialog bersama Warga Emas
- 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Cina

HARI 3

- 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Cacat Penglihatan
- 10: Sesi Dialog bersama Peniaga
- 11: Sesi Dialog bersama Komuniti PDK
- 12: Sesi Lawatan ke Kilang Ice Cream dan Penternak Arnab
- 13: Sesi Lawatan ke Pusat Latihan Memanah

PASUKAN PENYELIDIK



Muhammad Daniel
(Ketua Penyelidik)



Dr. Teo Sue Ann



Afiqah




Puan Ayunizam
Pakar Rujuk

Dengan sokongan
daripada
**Ahli Parlimen
Ketereh,
YB Dato' Khliir Bin
Mohd Nor**



28 Disember 2023

Mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Ketereh, Mejar Jeneral Datuk Khliir Bin Mohd Nor di Pejabat Parlimen Ketereh. Sesi lawatan lapangan pemetaan isu Parlimen Ketereh dijadualkan pada bulan Februari ekoran cuaca dan banjir yang melanda Pantai Timur.



15 Januari 2024

Dr Siti Nur Ain dan Mohamed Daniel telah mengadakan sesi pemprofilan bersama Setiausaha Pejabat Khidmat Parlimen Ketereh bagi tujuan lawatan pemetaan isu di Parlimen Ketereh yang dijadualkan pada 2 - 4 Februari 2024. Mereka telah mengenal pasti 10 kumpulan akar umbi dan 5 lawatan tapak akan dijalankan nanti.



18 Januari 2024

Dr Siti Nur Ain, Dr Teo Sue Ann, Mohamed Daniel dan Imamul Ariffin telah mengadakan sesi pra-lawatan bertemu Encik Wan Mohd Nasir bin Hj. Wan Omar, Timbalan Ketua Jajahan (CIO Jabatan) Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Agenda perbincangan ialah mengenai pengenalan APPGM-SDG serta aturan tentatif. Kajian pemetaan isu Parlimen Ketereh dijadualkan pada 2 hingga 4 Februari 2024 dan sesi dialog antara agensi akan berlangsung pada 13 Februari 2024.



1: Sesi Dialog bersama Komuniti Petani Tempatan

FGD 1 dihadiri oleh komuniti petani tempatan di Pusat Pengumpulan Tebu, Persatuan Penanam Tebu Kelantan. Seramai 16 petani telah hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu pemasaran bagi tanaman tebu, **(2)** isu berkaitan penanaman padi (bekalan air pam) dan **(3)** kos sara hidup yang tinggi



2: Sesi Dialog bersama Komuniti Belia

FGD 2 dihadiri oleh komuniti belia di Kampung Binjai, Ketherah. Seramai 12 belia telah hadir. Antara isu yang diketengahkan **(1)** isu Dadah (Pil Kuda & Ketum) dikalangan pelajar sekolah menengah **(2)** kurang peluang pekerjaan dan **(3)** kekurangan kawasan rekreasi.



3: Sesi Dialog bersama Komuniti Veteran

FGD 3: Sesi dialog bersama komuniti veteran di Perkarangan Homestay Luqman Al-Hakim, Kg Binjal. Seramai 6 golongan veteran telah hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu pencen bekas penjawat awam (askar & polis), **(2)** kos sara hidup yang tinggi dan **(3)** isu infrastruktur (kemudahan awam, jalan raya dsb)



4: Sesi Dialog bersama Komuniti NGO

FGD 4: sesi dialog bersama komuniti NGO di Dewan Dato Kadok. Seramai 6 golongan NGO telah hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** kekurangan dana untuk melakukan program **(2)** kos sara hidup yang tinggi **(3)** isu infrastruktur (kemudahan untuk golongan wanita, banjir) dan **(4)** sumbang Mahram.



5: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal

FGD 5 bersama komuniti ibu tunggal di Stesen No 1, Kedai Kak Ha, Melor. Seramai 14 golongan ibu tunggal telah hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** kurang pendedahan/ informasi terhadap bantuan kerajaan, **(2)** kos sara hidup yang tinggi dan **(3)** isu infrastruktur (isu banjir, isu tempat pembuangan sampah).



6: Sesi Dialog bersama Komuniti KRT

FGD 6 bersama komuniti rukun tetangga di Pusat Rukun Tetangga Dusun Rendah. Seramai 13 ahli KRT telah hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu pendatang asing **(2)** isu penagihan dadah (ketum) dan **(3)** isu lori membawa muatan melebihi had membahayakan penduduk setempat.



7: Sesi Dialog bersama Komuniti Cina

FGD 7 bersama komuniti Cina di Kg Tok Kong. Seramai 11 orang komuniti cina telah hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu kemudahan awam (perkhidmatan bas) **(2)** isu infrastruktur (jalan sempit & sesak) dan **(3)** kurang peluang pekerjaan pada golongan belia.



8: Sesi Lawatan Rumah Warga Emas

Kumpulan penyelidik parlimen Ketereh telah melawat ke rumah warga emas di Penempatan Warga Emas, Kg Hutan Pasir, Ketereh. Rumah warga emas ini boleh menetapkan 35 penghuni. Penghuni di rumah warga emas ini dikhususkan untuk penghuni wanita.



9: Sesi Dialog bersama Komuniti Cacat Penglihatan

FGD 8 bersama komuniti cacat penglihatan di Premis Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (Cawangan Kelantan). Seramai 20 orang dari komuniti cacat penglihatan hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu dana, **(2)** isu peluang pekerjaan di dalam kalangan dan **(3)** isu stigma/ kepekaan masyarakat terhadap komuniti mereka.



10: Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga

FGD 9 bersama komuniti peniaga di Dataran Pasar Melor. Seramai 6 orang komuniti peniaga telah hadir. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu perparitan dan pengairan, **(2)** isu kekurangan pengunjung ke pasar melor dan **(3)** isu penyelenggaraan dan infrastruktur pembinaan ECRL



11: Sesi Dialog bersama Komuniti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti

FGD 10: sesi dialog bersama komuniti PDK di PDK Kadok. Seramai 36 orang komuniti PDK telah hadir. Antara isu yang diketengahkan **(1)** isu Penjawatan Petugas (pembayaran gaji, elaun dan geran) **(2)** Isu peluang pekerjaan dan **(3)** Pemberian geran JKM yang lewat.



12: Sesi Lawatan ke Kilang Ice Cream dan Penternak Arnab

Kumpulan penyelidik parlimen Ketersah telah melawat ke kilang pembuatan ice cream dan penternak arnab daging.



13: Sesi Lawatan ke Pusat Latihan Memanah

Kumpulan penyelidik parlimen Ketersah telah melawat ke tempat latihan memanah. Seorang wakil daripada agensi KBS, Puan Asmad.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.026 KETEREH

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Ketereh ini diadakan dengan usahasama daripada YB Mejar Jeneral (B) Datuk Khliir Bin Mohd Nor dari Parti Islam Se Malaysia (PAS).</i></p>		 <p>YB Mejar Jeneral (B) Datuk Khliir Bin Mohd Nor</p>																									
Parlimen	P 026																										
Kawasan	Ketereh																										
Negeri	Kelantan																										
Jumlah penduduk	<p>108,448 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>105,954</td> <td>97.7</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>2,061</td> <td>1.9</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>108</td> <td>0.1</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>325</td> <td>0.3</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>108,448</td> <td>100</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Ketereh Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	105,954	97.7	2.	Cina	2,061	1.9	3.	India	108	0.1	4.	Lain_lain	325	0.3	JUMLAH KESELURUHAN		108,448	100
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	105,954	97.7																								
2.	Cina	2,061	1.9																								
3.	India	108	0.1																								
4.	Lain_lain	325	0.3																								
JUMLAH KESELURUHAN		108,448	100																								
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan- Barangan Runcit, Kedai Makan • Pertanian- Padi, Tebu, Jagung, Cili • Penternakan-Ayam, Kambing, Lembu, Ikan Sangkar 																										
Pasukan Penyelidik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Siti Nur Ain Binti Zakinuddin: Ketua Penyelidik & Penulis Laporan 2. Mohamed Daniel Mokhtar: Ketua Penyelidik Lapangan 3. Dr. Teo Sue Ann: Penyelidik 4. Afiqah Binti Abdul Malik: Penyelidik 5. Puan Ayunizam Binti Daud: Penyelidik 																										

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 10 *Focus Group Discussion* (FGD) dan 5 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Ketereh dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu.

Tarikh	Sesi Dialog
2 Februari 2024	Sesi Dialog 1: Petani Tempatan Sesi Dialog 2: Belia Ketereh Sesi Dialog 3: Kumpulan Veteran Sesi Dialog 4: NGO Ketereh
3 Februari 2024	Sesi Dialog 5: Ibu Tunggal Sesi Dialog 6: KRT Ketereh Lawatan Tapak 1: Penempatan Warga Emas Sesi Dialog 7: Komuniti Cina Lawatan Tapak 2: Kelab Memanah Kok Lanas
4 Februari 2024	Sesi Dialog 8: Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Sesi Dialog 9: Peniaga Sesi Dialog 10: PDK Kadok Lawatan Tapak 3: PPWK KADOK Lawatan Tapak 4: Kilang Aiskrim Icely Lawatan Tapak 5: Persatuan Penternak Arnab Pedaging, Buloh Poh
13 Februari 2024	Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
1.	Penyalahgunaan dadah	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Suri Rumah 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu dadah masih ada, di kalangan pelajar dan belia • Jenis dadah utama yang digunakan ialah pil kuda • Penggunaan ketum dan <i>vape</i> juga berleluasa seawal usia remaja • Salah satu punca terlibat dadah ialah tiada kemudahan melakukan aktiviti dan rekreasi untuk remaja dan belia • Kelantan yang bersempadan dengan Thailand menyebabkan mudah mendapat bekalan dadah 	<p>Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat kesukaran menghentikan kerana sempadan dengan Thailand. • Kesalahan <i>vape</i> ialah dari penggunaan <i>flavour magic mushroom</i> yang mempunyai bahan terlarang. • Penagihan <i>vape</i> berlaku kerana tiada undang-undang untuk menghentikan penjualan <i>vape</i>. • Pelencongan sosial menyebabkan ramai yang terlibat dengan dadah.
2	Judi dalam talian	<ul style="list-style-type: none"> • Remaja • Warga Emas Lelaki 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah judi dalam talian berlaku di kawasan Chabang 3, Batu 11, operasi telah dibuat tetapi telah buka semula 24 jam. • Melibatkan semua peringkat dari umur remaja sehingga warga emas. 	<p>Malaysian Communications & Multimedia Commission (MCMC)</p> <p>Tindakan sepatutnya dari PDRM di bawah Akta Rumah Judi. Pihak MCMC hanya boleh menyekat laman web judi yang masuk tetapi terlalu banyak.</p>

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3	Kegiatan lumba haram	<ul style="list-style-type: none"> • Remaja 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah lumba haram yang melibatkan golongan pemuda berlaku di Jalan Utama, Lebuhraya yang menghubungkan Kota Bharu dan Kuala Krai • Aktiviti lumba haram ini sudah di ambil maklum oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPJ 	<p>Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)</p> <ul style="list-style-type: none"> • JPJ sudah mengenalpasti lokasi aktiviti remaja beradu kelajuan dan berkumpul di susur masuk Lebuhraya Ketereh hingga ke Pasir Hor. Jalan Peringat ke Melor kilometer 12 hingga kilometer 16, Jalan Kuala Krai. Sekitar Kampung Berangan, Kadok Kampung Membatu iaitu sempadan Kok Lanas-Ketereh. dan sekitar Kok Lanas dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Ketereh. • Pelumba haram juga mempunyai pemberi maklumat yang mengganggu sekatan. <p>AADK</p> <p>Penagihan dadah dan lumba haram berkait rapat yang mana ia berpunca daripada pelencongan sosial di Kelantan</p>

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4	Jalan Rosak dan berlubang	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk dan pengguna jalan raya Ketereh yang tinggal berdekatan pembinaan ECRL 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah lori membawa muatan lebih meningkat ekoran projek mega -ECRL dan Lebuhraya mengundang kerosakan jalan • Lori dengan muatan lebih menyebabkan muatan tidak stabil, tanah dan batu jatuh daripada lori dan menyebabkan kemalangan • Jalan-jalan kampung yang tidak sepatutnya dilalui oleh lori ini dilalui mengancam keselamatan penduduk setempat • Kerosakan jalan berlaku disebabkan kekerapan lori ulang-alik • Jalan yang sempit, terutamanya jalan utama persekutuan – menyebabkan pelancong kurang berminat untuk melawati Ketereh • Pembinaan ECRL memberi kesan terhadap struktur jalan terutamanya kawasan kampung 	<p>JPJ</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan lori membawa batu kuari, tanah bukit dan pasir sungai melebihi had untuk pembinaan mega seperti ECRL, lebuhraya, projek wisma Persekutuan dan lapangan terbang. • Kawasan terlibat ialah kuari di Bukit Bidang Selising, Bukit Buloh, Gunong, Bukit Mak Lipah dan kuari Kemubu • Empat saman telah dikeluarkan melibatkan 40 lori telah disita dan sebanyak tujuh unit lori akan didakwa ke mahkamah yang mana akan membawa kepada tindakan pelucutan hak kerana mereka telah melanggar beberapa Seksyen yang ada dalam Akta Pengangkutan Awam Darat. • Pemandu lori yang menambah pagar tambahan juga diambil

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>tindakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Ketereh telah melaksanakan satu tindakan melibatkan penyitaan beberapa lori di Tok Bok yang menggunakan lori untuk mengisi pasir-pasir. <p>Pejabat Tanah dan Jajahan (PTDJ)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiga unit penguatkuasaan iaitu di PTG (Pejabat Tanah dan Galian) di bahagian penguatkuasaan dan satu lagi di unit penguatkuasaan peringkat negeri. • Pantauan sentiasa dibuat tetapi terdapat kebocoran maklumat. • Permit permit kerja-kerja tanah dikeluarkan oleh pihak PBT. <p>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Projek mega yang berjalan tidak

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>dapat dielakkan tetapi masih terdapat garis panduan yang telah ditetapkan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak ECRL masih perlu bertanggungjawab kerana dalam garis panduan JKR telah meletakkan sekiranya ada kerosakan jalan yang disebabkan oleh pihak mereka, mereka perlu membaiki jalan-jalan tersebut. • UPEN akan membangkitkan isu jalan rosak disebabkan ECRL kepada JKR dan MOT.
5.	Kemudahan tempat meletak kenderaan (<i>parking</i>) yang tidak mesra pengguna	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Parkir dibayar secara digital menyukarkan warga emas dan veteran. • Sistem perlu ada pilihan secara digital dan ada juga kaedah yang sesuai untuk warga emas. 	<p>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempat letak kereta penuh kerana terdapat perniagaan tepi jalan yang tidak menyediakan tempat parking • Terdapat cadangan dalam perbincangan mengenai penyediaan tapak parking di kawasan perniagaan yang 'viral'

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pembayaran secara digital bukan sahaja menyukarkan untuk bayaran letak kereta tetapi juga dalam perniagaan yang pernah menyebabkan pengguna warga emas tidak mampu mengikuti pendigitalan semasa dengan jurang perbezaan dan jurang arus masa
6.	Kekurangan ilmu berkaitan penjagaan anak dan kesihatan mental	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Pertama • Surirumah 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu kekurangan pengalaman dan ilmu penjagaan anak, terutamanya mereka yang mempunyai anak pertama. • Kursus "parenting" boleh membantu dengan memberi ilmu tersebut • Suri rumah memerlukan satu tempat beriadah untuk menjamin kesihatan mental mereka 	<p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah kemurungan tidak dapat dikesan kerana pesakit tidak menunjukkan tanda-tanda kemurungan. Pesakit lebih berdiam diri sehingga tidak dapat menahan dan akhirnya membuat tindakan di luar jangkaan. • KKM menyediakan unit kaunseling

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				dimana pegawai kaunseling akan cuba mendalami dan mendengar permasalahan yang dihadapi.
7.	Kekurangan kemahiran pemasaran antara golongan wanita	Golongan wanita	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan peralatan dan tiada kemahiran pasaran memebri kesan kepada usahawan wanita • Golongan wanita tidak mahir dalam penggunaan internet untuk tujuan pemasaran dan perniagaan. 	<p>Jabatan Belia dan Sukan (JSB)</p> <p>Di Kok Lanas disediakan Pusat Ekonomi Digital (PEDI) bagi penggunaan internet.</p> <p>MCMC</p> <p>Kita ada PEDI yang menyediakan kursus-kursus seperti contohnya Shopee berkaitan dengan shopee marketing dan juga kursus-kursus asas penggunaan komputer lah untuk kita berikan kepada komuniti.</p>
8.	Masalah Bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung • Peniaga Pasar 	<ul style="list-style-type: none"> • Bekalan air paip daripada syarikat Air Kelantan kerap terputus dan kualiti air yang diterima kurang memuaskan (warna merah) 	Tiada maklumbalas

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk menggunakan air telaga tiub (boring) yang lebih bersih tetapi memerlukan kos yang tinggi untuk pemasangan • Sesetengah kawasan berpaya tidak mengeluarkan air boring yang jernih malah mempunyai rasa masam dan berminyak • Pengguna di kawasan Badak Mati dan Taman Aril masih lagi perlu membayar minima sebanyak RM4.50 yang dikenakan oleh Syarikat Air Kelantan walaupun tiada air yang dibekalkan, hanya sekadar membayar meter. 	
9.	Keperluan penyelarasan pensen pesara	<ul style="list-style-type: none"> • Veteran ATM dan Polis 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah pensen pesara perlu ditingkatkan seiring dengan peningkatan gaji penjawat awam • Jumlah wang pensen yang diterima sekarang disifatkan tidak cukup untuk menampung kos sara hidup yang tinggi. • Tempoh perkhidmatan perlu 21 	Tiada maklumbalas

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>tahun dan ke atas untuk mendapatkan pencen.</p> <ul style="list-style-type: none"> Pencen anggota tentera diuruskan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) 	
10.	Capaian internet yang lemah	<ul style="list-style-type: none"> Ketereh 	<ul style="list-style-type: none"> Capaian internet yang lemah daripada semua syarikat telekomunikasi (contoh: Celcom, Digi) 	<p>MCMC</p> <ul style="list-style-type: none"> Telah mendapat aduan Kampung Kubang Kiat dari 2001 dan telah menghantar CD untuk tindakan terhadap telco dikawasan tersebut yang tidak mencapai kualiti. Permohonan pembinaan menara baru telah dihantar kepada UPEN. <p>UPEN</p> <p>UPEN ada menerima permohonan daripada MCMC tetapi perlu melalui anak Syarikat iaitu IQSP dan ERC bagi analisis dan kajian kawasan.</p>
11.	Masalah	<ul style="list-style-type: none"> Kanak-kanak 	<ul style="list-style-type: none"> Penagihan gadget di peringkat remaja 	Jabatan Belia dan Sukan

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	ketagihan gajet di kalangan remaja	dan Remaja Ketereh	<p>dan kanak-kanak semakin tidak terkawal</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komuniti merasa risau jika gajet digunakan untuk melayari perkara yang kurang baik 	<ul style="list-style-type: none"> • Remaja dan belia memang semakin ketagihan handphone yang menyebabkan kurangnya aktiviti outdoor dilakukan. • KBS bercadang memberi perhatian kepada e-sport kerana sikap belia yang lebih memilih gajet berbanding aktiviti fizikal
12.	Peningkatan jumlah pendatang asing	<ul style="list-style-type: none"> • Warga Asing • Penduduk Setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah pendatang asing yang tinggi di kawasan Parlimen Ketereh (golongan Rohingya) • Kebanyakan mereka mengatakan pemegang kad UNHCR • Penguatkuasaan yang lemah daripada PBT, membolehkan golongan ini membuka kedai runcit, menjual makanan dan membawa kenderaan tanpa mendapatkan lesen • Contoh: Di kawasan Melor lama iaitu berhadapan Masjid Aisyah terdapat petempatan haram warga asing ini • Terdapat kes pergaduhan sesama 	<p>Imigresen</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat perbezaan antara secara haram ataupun dengan izin maksudnya PATI dan juga PADI. Istilah PATI ini mana-mana warganegara asing yang memasuki Malaysia tanpa adanya satu dokumen ataupun pas yang sah maknanya dia orang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Manakala PADI, pendatang asing dengan izin mereka ini mempunyai dokumen untuk mereka tinggal dan bekerja di Negara ini.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>mereka di Kampung Padang Raja sehingga mengakibatkan kematian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pernah berlaku kemalangan di simpang lampu isyarat akibat kecuaiannya pemandu warga asing yang tidak mematuhi lampu isyarat 	<ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Myanmar dan Rohingya dengan 90% memiliki kad UNHCR. • Tindakan tetap akan diambil jika mereka melakukan jenayah seperti kecurian dan rompakan. • Dari 234 orang pendatang yang berkumpul hanya 11 orang yang tiada dokumen. <p>JPJ</p> <ul style="list-style-type: none"> • PEWA (pemandu warga asing) kebanyakannya yang kita dapat adalah daripada Rohingya. • Kelantan merupakan satu satunya negeri yang telah berjaya mendakwa pemandu warga asing ini ke mahkamah yang mana paling tinggi sehingga saat ini, melibatkan denda sebanyak 2,000 kepada pemilik kenderaan yang memberikan nama mereka dalam geran dan pemandu itu yang daripada Rohingya kita berjaya

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>dapatkan denda sebanyak RM 4,000.</p> <p>KPDN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kesukaran dalam mengambil tindakan kerana kuasa terhad. • Warga asing yang mempunyai kad UNHCR ramai. • KPDN pernah bersuara supaya kuasa UNCHR diteliti balik.
13.	Kurang peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Golongan cacat penglihatan • OKU 	<ul style="list-style-type: none"> • Peluang pekerjaan yang rendah serta kadar pengangguran yang tinggi (50%) • Pekerjaan yang tidak tetap - kerja kerja kampung. • Aktiviti ekonomi utama di kawasan ini merupakan aktiviti pertanian (penanaman padi, penanaman sayur dan penternakan) dan buruh kasar • Majoriti belia dari kawasan ini akan berhijrah keluar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik 	<p>Jabatan Belia dan Sukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Belia merasakan pekerjaan yang dipohon perlu sesuai dengan kelayakan pendidikan • Banyak program yang disediakan tetapi belia tidak berminat untuk menyertai • Terdapat kemudahan PEDI untuk menggunakan internet serta mendapatkan maklumat melalui talian berkaitan kerja kosong

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>atau yang tinggal di kampung akan bekerja sendiri, petani atau penternak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peluang pekerjaan dalam kalangan komuniti orang cacat penglihatan sangat kurang kerana bidang-bidang yang boleh dilakukan oleh orang cacat penglihatan ini sangat terhad. • Bidang pekerjaan yang boleh diceburi oleh orang cacat penglihatan telah dipelopori oleh orang biasa atau digantikan dengan teknologi 	
14.	Kekurangan aktiviti dan kemudahan awam bagi golongan remaja	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelancong 	<ul style="list-style-type: none"> • Infrastruktur yang tidak lengkap menyebabkan golongan belia melepak di kawasan tepi-tepi jalan dan di kawasan bendang sawah padi • Golongan belia perlu pergi ke tempat lain untuk bersukan - Contoh: pergi ke kawasan kampung lain untuk bermain bola sepak/ badminton atau futsal • Terdapat banyak tempat bersejarah (seperti Taman Puteri Sadong dan 	<p>Jabatan Belia dan Sukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Belia tidak mengetahui kelebihan PEDI • Belia lebih banyak menghabiskan masa dengan telefon • Program memerlukan penubuhan persatuan tetapi belia tidak berminat mengendalikan sesebuah persatuan <p>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p>

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Makam Raja Abdullah) yang terabai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat tempat bersejarah boleh dijadikan tapak pelancongan yang memberi peluang pekerjaan kepada orang tempatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Di Ketereh terdapat 3 taman iaitu Taman Rekreasi Autocity di Tunjung, Kompleks Sukan Saad bin Abi Wakaf. Masih dalam proses pembinaan iaitu taman awam dan rekreasi di kawasan Ketereh. • Selain itu, terdapat cadangan pelaksanaan dan laluan basikal di sepanjang kawasan-kawasan padi.
15.	Kelemahan dalam ketelusan pemberian bantuan pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Petani Tebu • Petani sawah 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat unsur campur tangan politik dalam pemberian bantuan yang menyebelahi mengikut parti politik yang sama pihak. • Belia yang mendaftar SSM untuk berniaga kecil-kecilan tidak menerima bantuan • Bantuan sampai pada kumpulan sasar yang tidak tepat • Banyak info bantuan tidak sampai ke pengetahuan belia. Contoh: Bantuan dari KADA, RISDA tidak sampai pada pengetahuan belia dalam kampung. 	<p>Pegawai Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bantuan RM20,000 bersyarat bagi memastikan projek dijalankan tidak berhenti separuh jalan, peserta perlu memulakan dahulu pertanian dengan modal sendiri • Jabatan Pertanian hanya bekalkan infrastruktur dan peralatan seperti telaga tiub buat paip dan alat penyembur racun bagi kawasan Setek. Untuk baja dan racun hanya dibekalkan oleh agensi KADA.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan sikap di kalangan jabatan tersebut dimana maklumat sampai pada yang dikenali. • Belia hanya mendapat maklumat mengenai bantuan apabila sudah melepasi tarikh permohonan • Untuk tanaman tebu - tiada bantuan dari luar yang diterima - cuma KADA ada menawarkan untuk bagi geran maksima RM20,000 hanya untuk untuk menambahbaik pertanian. • Tiada bantuan daripada Jabatan pertanian, Jabatan pertanian hanya bantu 1% input pertanian, one off dan anggaran 7-8 orang, ada syarat yang ketat untuk dapat bantuan. sama dengan KADA, fokus pada petani yang dah ada tapak. 	
16.	Kekurangan kemudahan infrastruktur dan	<ul style="list-style-type: none"> • OKU • OKU Penglihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan bagi pengguna OKU kurang dan tidak menyeluruh meskipun di kawasan bandar Kota Bharu (Contoh: Kemudahan kerusi 	Tiada maklumbalas

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kenderaan awam bagi OKU		roda) <ul style="list-style-type: none"> • Majoriti menggunakan grab atau e-hailing untuk bergerak • Penggunaan bas dan kereta api adalah menyukarkan OKU penglihatan kerana penyedia perkhidmatan masih kurang peka dengan keperluan OKU 	
17.	Kuasa menangkap SRS KRT Skop kuasa yang terhad bagi KRT dan SRS	<ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Rukun Tetangga (KRT) • Anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak KRT mencadang kembalikan semula kuasa menangkap jenayah kepada ahli SRS • Perlu adakan taklimat daripada pihak berkuasa untuk menerangkan tentang kuasa tangkapan • Pihak KRT juga mencadangkan supaya adakan elaun kepada ahli SRS • Pernah berlaku kes kematian pesalah yang ditangkap SRS akibat tindakan melulu yang menyebabkan kuasa tangkapan ditarik balik 	Tiada maklumbalas
18.	Pemasaran produk	Petani Tebu	<ul style="list-style-type: none"> • Tebu dijual dengan harga yang murah. RM 25 seikat. 	Jabatan Pertanian

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	tanaman yang terhad		<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kawalan terhadap harga pemasaran tanaman tebu seperti tanaman padi • Pasaran hanya bergantung pada kilang di Johor sahaja. • Terdapat hanya 3 kilang dari Johor yang menerima hasil tebu • Tiada sokongan dari mana-mana agensi dari aspek pemasaran. 	<ul style="list-style-type: none"> • FAMA bertanggungjawab dalam pemasaran hasil pertanian • Petani perlu mengambil inisiatif sendiri bagi memasarkan hasil melalui media sosial seperti facebook dan tiktok
19.	Kos penanaman melibatkan racun dan benih yang semakin mahal	<ul style="list-style-type: none"> • Petani padi • Petani tebu 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga benih tanaman naik sekali ganda kepada RM53 seguni. • Kenaikan mendadak bermula pada tahun 2023. • Tiada bantuan benih yang diberikan oleh Jabatan Pertanian • Jabatan Pertanian hanya memberi bantuan baja dan racun. • Harga racun padi meningkat sehingga RM145 sebotol untuk 1 liter • Terdapat bantuan racun dari KADA tetapi terhad kepada jenis racun yang disediakan dan tiada pilihan untuk 	<p>Jabatan Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Baja dan racun sikit sahaja dibekalkan oleh Jabatan Pertanian, kebanyakannya dari KADA. • Penanaman tebu memang menggunakan racun yang banyak dan kebanyakan petani tebu membeli sendiri racun tersebut.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>petani</p> <ul style="list-style-type: none"> Racun yang dibekalkan KADA tidak memberi kesan dan petani terpaksa membeli racun lain dengan harga yang mahal 	
20.	Kos perniagaan meningkat	Peniaga pasar awam	<ul style="list-style-type: none"> Kos perniagaan semakin meningkat saban tahun Stok barangan yang tidak menentu - memaksa peniaga untuk membeli barangan yang lebih mahal <p>Penetapan pembelian bersyarat untuk produk subsidi juga berlaku</p>	<p>KPDN</p> <ul style="list-style-type: none"> Terdapat kes pembelian bersyarat seperti beli minyak peket perlu beli gula premium tetapi peruncit tidak membuat aduan kerana khuatir pemborong tidak menjual stok kepada mereka. Justeru, peruncit juga mengenakan syarat tersebut kepada pembeli. KPDN hanya bertindak atas aduan tetapi tiada aduan dilaporkan walaupun perkara itu berlaku KPDN sentiasa memantau terutama semasa krisis kekurangan gula yang mana KPDN pernah mengarahkan pemborong menghantar barangan di tempat kekurangan stok.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
21.	Sistem pengairan dan perparitan pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Petani tebu • Petani padi 	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem perparitan tebu memerlukan pengaliran air yang mengalir, jika lebih siraman bertakung, ia boleh menyebabkan pokok tebu mati • Masalah ketiadaan bekalan air kerana pam air tidak dapat berfungsi untuk membekalkan air kepada tanaman padi. • Pam air tidak berfungsi dan penyelenggaraan tidak dilakukan • Khidmat penyelenggaraan pam air dilakukan oleh pihak KADA atau golongan-golongan petani sendiri. • Pam air utama di Ketereh ialah pam Kemubu 	<p>Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan sumber air untuk sawah padi yang dikenali sebagai tebing meliputi Pasir Mas, Tumpat, Kota Bharu Selatan, Kota Bharu Utara, Bachok dan Pasir Putih • Bekalan air penanaman padi diperolehi melalui pam di Kemubu dan sepenuhnya bergantung pada paras air sungai • Terdapat petani tebu yang menanam tebu di rizab tali air dan menghalang KADA melakukan kerja pembersihan tali air kerana khuatir merosakkan tanaman tebu. • Pam air individu KADA tidak selenggara. KADA menyelenggara pam air yang dibekalkan KADA. • Pam KEMUBU besar dan meliputi 5 kawasan di Kelantan. Pam Kemubu

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				hanya diselenggara KADA.
22.	Masalah banjir	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Ketereh 	<ul style="list-style-type: none"> • Banjir berlaku ketika musim hujan iaitu bulan November dan Disember • Kawasan Buluh Poh, Perol dan Dun Kadok serta kawasan di hadapan klinik baharu yang dulunya merupakan kawasan takungan air (kawasan yang rendah) telah di tambun untuk dibina klinik secara tidak langsung menyebabkan kawasan tersebut mengalami kenaikan air apabila hujan lebat berturut-turut • Kawasan perumahan dan perkampungan yang berhampiran dengan lebuh raya yang menghubungkan Kuala Krai dengan Kota Bharu juga ditimpa banjir walaupun berdekatan dengan tali air. • Kg Kerok Hilir dan Jalan Batu 11 Ketereh seringkali parit tidak dicuci menyebabkan banjir, 	<p>PTDJ</p> <ul style="list-style-type: none"> • Punca dari pembangunan yang mempunyai sistem pengairan yang tidak sempurna. Kawasan sawah padi yang dibangunkan menyebabkan berlaku banjir kilat kerana tiada takungan tadahan banjir. • Terdapat 2 kolam tadahan di kawasan dalam pembinaan iaitu di G-Orange Tunjung dan Padang Enggang berkeluasan 13km persegi bagi mengelakkan banjir lebih teruk. • Diakui pembinaan ECRL yang tidak membina sistem perparitan juga menyebabkan banjir.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<ul style="list-style-type: none"> • Di Kg Binjal, air yang bertakung telah menyebabkan nyamuk Aedes membiak. • Pembinaan ECRL juga penyebab berlakunya banjir 	
23.	Runtuhan tebing sungai	Komuniti Cina Kampung Tok Kong	<ul style="list-style-type: none"> • Runtuhan sungai di Kampung Tok Kong telah dilaporkan kepada pihak atasan. • Penduduk difahamkan bahawa kerja pembaikan telah diluluskan pada tahun 2023. • Tiada projek selenggaraan atau penambahbaikan dilakukan sehingga kini. • Terdapat dua buah rumah yang terkesan kerana berhampiran sungai. 	Tiada maklumbalas
24.	Sampah sarap tidak diselenggara	Penduduk Setempat	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perkhidmatan kutip sampah menyebabkan sampah bertimbun • PBT tidak mengikut jadual berkala untuk kutipan sampah dengan alasan lori pemungut sampah tidak 	<p>PBT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kutipan berkala telah dibuat mengikut jadual • Kemungkinan sampah dilihat

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>mencukupi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan tempat pengumpulan sampah ialah 2km daripada kampung • Tong sampah hanya 1 biji tak mampu tampung 4 kampung iaitu Kg Binjal, Paya Lada, Kadok dan Bukit Chengal. • Perkhidmatan kutipan sampah hanya pada Ahad dan Rabu sahaja. • Sampah yang tidak diambil menyebabkan pencemaran bau • Di Pauh 5, pernah berlaku insiden sampah dibakar dan menyebabkan tong sampah turut terbakar sekali menyebabkan bau busuk. 	<p>penduduk pada waktu petang dan PBT melakukan kutipan pada waktu malam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan lanjut jadual kutipan akan dilakukan
25.	Pokok pokok besar tidak diuruskan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna Jalan Raya 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pokok besar yang tidak diurus dan diselenggara di kebanyakan kawasan jalanraya • Ketereh berjarak 50 meter setiap pokok • Pokok tumbang dan dahan patah berisiko menyebabkan kemalangan. • Terdapat satu kejadian pada tahun 	<p>PBT</p> <p>Proses pemantauan dan pemotongan pokok-pokok besar dilakukan dari semasa ke semasa Cuma kekerapan itu akan dikaji semula oleh pihak PBT</p>

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			2023 menyebabkan 3 kematian melibat sepasang suami isteri dan seorang bayi.	

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: PELENCONGAN SOSIAL DI KALANGAN BELIA

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan tempat beriadah dan beraktiviti 2. Masa terluang terisi dengan melepak dan lumba haram 3. Ketiadaan kawasan beriadah
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membaikpulih bangunan terbiar atau padang terbiar untuk aktiviti sihat bagi remaja dan belia 2. Mengadakan aktiviti dan latihan sukan yang berterusan contohnya badminton, bola tampar dan sepak takraw 3. Anjuran aktiviti sukan dan riadah dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan
Kumpulan Terjejas	Remaja dan Belia
Kawasan	Kampung Binjal, Kampung Kerok Hilir, Kadok dan Mukim Paya Lada
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 3: Kesihatan dan Kehidupan yang Baik	Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Baik	Sasaran 8.6 Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan
SDG 9: Industri, Inovasi Dan Infrastruktur	Sasaran 9.4: Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan menaik taraf industri untuk menjadikannya mampan, dengan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing

PENGUTAMAAN ISU 2: KEKURANGAN PELUANG PEKERJAAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Tiada industri besar di Ketereh Pertambahan warga asing Masalah capaian telefon dan rangkaian internet
Cadangan	1. Pertambahan kilang produk di Ketereh 2. Meningkatkan perusahaan industri kecil sederhana di Ketereh 3. Menambah pencawang telekom 4. Memudahkan bantuan keusahawanan
Kumpulan Terjejas	Belia, Penduduk B40, Peniaga Online, Wanita, OKU
Kawasan	Kampung Binjal, Kampung Paya Lada, Kadok, Bukit Chengal, Kampung Kubang Kiat, Kubang Getah
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Menoktahkan kemiskinan	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Baik	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama Sasaran 8.6 Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan
SDG 9: Industri, Inovasi Dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan,

	<p>termasuk kredit mampu milik, dan penyepaduannya ke dalam rangkaian nilai dan pasaran</p> <p>Sasaran 9.c: Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan telekomunikasi secara signifikan, serta berusaha untuk menyediakan capaian Internet yang sejagat dan mampu dimiliki bagi negara kurang membangun menjelang 2020</p>
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain

PENGUTAMAAN ISU 3: KEKURANGAN PRODUK DAN TEMPAT TARIKAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada Produk yang unik untuk dipasarkan 2. Tiada pemasaran produk sedia ada 3. Tiada kawasan tarikan pelancongan samada tarikan ekonomi dan juga tarikan sosial 4. Terdapat kawasan warisan bersejarah yang berpotensi tidak dibangunkan
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menaikkan ekonomi setempat sebagai produk tarikan 2. Memasarkan tebu telur di seluruh Malaysia dan luar negara 3. Melakukan R&D terhadap produk tempatan untuk mampu bersaing dengan produk luar negara 4. Membaikpulih kawasan warisan bersejarah di Ketereh
Kumpulan Terjejas	Penduduk Parlimen Ketereh, Petani Tebu Telur, Pencinta warisan dan sejarah
Kawasan	Kampung Piah, Kampung Binjai, Taman Puteri Saadong, Pulau Chondong, Makam Raja Abdullah, Bukit Gua Kambing

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 2: Menamatkan kelaparan	Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi Dan Pekerjaan Yang Baik	Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan memperkenalkan budaya dan produk tempatan
SDG 11: Bandar dan Masyarakat yang Mampan	Sasaran 11.4: Memperkukuh usaha melindungi dan memelihara warisan asli dan kebudayaan dunia
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.b: Membangunkan dan melaksanakan peralatan untuk memantau kesan pembangunan mampan kepada pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan memperkenalkan budaya dan produk tempatan

BAHAGIAN DUA

LAPORAN P.038 HULU TERENGGANU (TERENGGANU)



BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.038 Hulu Terengganu (Terengganu)

14 - 16 Februari 2024 (Rabu - Jumaat)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Petani Tempatan (Penanam Jagung dan Padi)
2. Sesi Dialog bersama Petani Tempatan (Projek Tanaman Padi Berkelompok)
3. Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli
4. Lawatan ke Sawah Padi

HARI 2

5. Sesi Dialog bersama Persatuan Warga Emas
6. Sesi Dialog bersama Pertubuhan Pemulihan dalam Komuniti Kuala Berang
7. Sesi Dialog bersama Persatuan Ibu Tunggal
8. Sesi Dialog bersama Badan Gabungan Majlis Belia Daerah Hulu Terengganu
9. Sesi Dialog bersama komuniti Cina

HARI 3

10. Sesi Dialog bersama Mangsa Banjir Kg. Pengkalan Ajal dan Kg. Kua
11. Sesi Dialog bersama Persatuan Belia Kg. Gunung
12. Sesi Dialog bersama Penduduk PPMS Bukit Ara

PASUKAN PENYELIDIK



Daniel Mokhtar
(Ketua Penyelidik)



James Raj



Nurul Shafeena



Balqis Osman

Dengan sokongan
daripada
**Ahli Parlimen
Hulu Terengganu,
YB Dato' Rosol
Bin Wahid**



17 Januari 2024 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awalan di Pejabat Daerah Hulu Terengganu, dipengerusikan oleh Tuan DO, Encik Lizan Bin Che Mat. Mesyuarat dihadiri oleh YB Dato' Rosol Bin Wahid, Ahli Parlimen Hulu Terengganu, YB Tuan Mohd Haji Zawawi (ADUN Telemong), wakil adun Kuala Berang, wakil Adun Ajil, Encik Fauzi (Pegawai Parlimen Hulu Terengganu.) Wakil APPGM-SDG: Dr Teo Sue Ann, Mohamed Daniel, Imamul Ariffin dan Muhd Afham Afif.



30 Januari 2024- Mesyuarat Pemprofilan

Dr Siti dan Daniel telah mengadakan mesyuarat pemprofilan Parlimen Hulu Terengganu bersama En Fauzi, Pegawai Khas Ahli Parlimen. Agenda mesyuarat ialah untuk membincangkan draf tentatif lawatan, kumpulan sasaran serta permasalahan yang sedia ada di Parlimen Hulu Terengganu. Tarikh untuk lawatan tapak Hulu Terengganu ialah pada 14 sehingga 16 Februari 2024.



1: Sesi Dialog bersama Petani Tempatan (Penanam Jagung dan Padi)

FGD 1 dihadiri oleh 19 orang komuniti dalam kalangan petani penanaman jagung, nanas dan padi bertempat di Balai Raya Kg. Gaung, Kuala Berang. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** ancaman haiwan liar seperti kera, babi hutan, musang dan tikus **(2)** kos harga benih penanaman, racun dan baja yang tinggi **(3)** bantuan yang di terima tidak kerap, hanya 5 tahun sekali **(4)** kes penyalahgunaan dadah yang tinggi dan **(5)** masalah banjir menyebabkan kerugian langsung ke atas hasil tanaman.



2: 2. Sesi Dialog bersama Petani Tempatan (Projek Tanaman Padi Berkelompok)

FGD 2 dihadiri oleh 14 orang komuniti projek tanaman padi berkelompok di Balai Raya Kg. Matang, Telemong. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** projek pembinaan Pam Air Paya Lasir yang terbengkalai sejak tahun 2022 menyebabkan masalah sistem pengairan yang kritikal dan telah menjejaskan kecekapan pengeluaran hasil padi serta tanaman lain yang seterusnya mengurangkan pendapatan petani setempat. Selain itu, masalah **(2)** kemerosotan kualiti benih padi turut diutarakan. Lain-lain isu adalah **(3)** ancaman penyakit padi, haiwan liar dan serangga perosak, **(4)** binaan jambatan penghubung yang tidak kukuh dan tenggelam setiap kali banjir pada musim tengkujuh dan **(5)** masalah penggunaan dadah seperti ketum dan pil kuda.



3: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli

FGD 3 dihadiri oleh 24 orang komuniti Orang Asli Kg Sg Berua. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) punca pendapatan masyarakat orang asli Sg Berua adalah hasil hutan seperti kayu gaharu, candan, tongkat ali dan kacip fatimah. Pendapatan harian mereka adalah bergantung kepada berapa banyak hasil yang berjaya di cari. Selain itu, (2) masalah penguasaan 3M di kalangan kaum wanita, remaja dan orang asli dewasa yang masih tinggi membawa kepada impak tiada peluang pekerjaan dan kesukaran dalam memohon sebarang kursus peningkatan kemahiran. Masalah lain yang turut diutarakan adalah (3) masalah banjir akibat daripada aktiviti pembalakan di kawasan sekitar (4) aktiviti pencerobohan hutan oleh orang luar dan warga asing seperti kecurian hasil hutan dan pemburuan haram (harimau dan kijang) (5) tiada pusat pelupusan sampah yang sempurna menyebabkan masalah pembuangan sampah di sungai dan (6) penagihan dadah di kalangan belia



4: Lawatan Sawah Padi

Para penyelidik berkesempatan meninjau lokasi permasalahan pam air dan tali air di kawasan sawah padi Kampung Matang.



5: Sesi Dialog bersama Persatuan Warga Emas

FGD 4 dihadiri oleh 17 orang komuniti warga emas yang berdaftar di bawah Persatuan Warga Emas Kuala Berang. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) keadaan premis Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuala Berang yang sudah uzur dan rosak, (2) kenaikan harga barang yang membebankan warga emas, (3) bantuan baitulmal, zakat atau bantuan untuk warga emas ada yang tidak berpeluang mendapatkannya akibat syarat yang terlalu ketat dan (4) pencen bagi penjawat awam gred rendah sangat sedikit menyebabkan warga emas tidak mampu untuk sara hidup bulanan.



6: Sesi Dialog bersama Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Kuala Berang

FGD 5 dihadiri oleh 18 orang penjaga dan petugas di bawah PPDK. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) masalah pemotongan jumlah geran untuk pengurusan PDK daripada JKM. Terdapat 15 buah PDK di dalam kawasan Hulu Terengganu dan seramai 23 orang petugas berkemungkinan akan kehilangan pekerjaan akibat daripada isu pemotongan geran ini. Selain itu, (2) tiada peruntukan geran aktiviti komuniti OKU selepas tahun 2020. Aktiviti yang dijalankan ketika ini bergantung sepenuhnya kepada sumbangan orang ramai. Isu (3) ketiadaan peluang pekerjaan untuk golongan OKU turut dilutarakan



7: Sesi Dialog bersama Persatuan Ibu Tunggal

FGD 6 dihadiri oleh 15 orang wakil Pimpinan Kanan Kelab Ibu Tunggal di bawah Naungan Yayasan Pembangunan Keluarga. Perbincangan telah dijalankan di Dewan Pejabat YPK Hulu Terengganu. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) kenaikan harga barang yang membebankan golongan ibu tunggal, (2) tiada peluang pekerjaan, (3) kesukaran mendapatkan bantuan, (4) masalah penagihan dadah dan gejala sosial di kalangan anak remaja dalam keluarga dan (5) lambakan komuniti warga asing yang menimbulkan kebimbangan di kalangan penduduk.



8: Sesi Dialog bersama Badan Gabungan Majlis Belia Daerah Hulu Terengganu

FGD 7 dihadiri oleh 11 orang wakil Pertubuhan Belia Daerah. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) kebimbangan terhadap dasar kerajaan yang mengubah takrif umur belia dari 15-40 tahun kepada 15-30 tahun boleh menimbulkan krisis kepimpinan belia selepas pelaksanaannya pada 2026 kelak kerana ketiadaan perancangan 'blueprint' yang menyeluruh terhadap kesiapsiagaan belia generasi akan datang. Selain itu, (2) kadar pengangguran yang membimbangkan kerana ketiadaan peluang pekerjaan, (3) tahap penghijrahan anak muda dengan potensi tinggi ke bandar besar merugikan keupayaan belia daerah (4) tiada pelapis dari kalangan beliawanis dan (5) kerenah birokrasi dalam permohonan geran yang disediakan turut dibincangkan.



9: Sesi Dialog bersama Komuniti Cina

FGD 8 dihadiri oleh 6 orang wakil Komuniti Cina di Pekan Ajil. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) kos barangan membebankan perniagaan masyarakat cina di Hulu Terengganu, (2) tiada tawaran pinjaman yang diberi agensi untuk tujuan perniagaan bagi masyarakat cina dan (3) tiada hartanah non-bumi yang boleh dibeli oleh masyarakat cina di Hulu Terengganu.



10: Sesi Dialog bersama Komuniti yang Terlibat Kawasan Banjir di Kampung Pengkalan Ajal dan Kua

FGD 9 dihadiri oleh 8 orang wakil JPKK Kampung di PPS Pengkalan Ajal, Ajil. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) Pusat Pemindahan Sementara sedia ada tidak mampu menampung jumlah penduduk kampung apabila berlaku banjir besar, (2) lokasi PPS kurang strategik kerana berisiko untuk banjir melebihi paras pinggang dan (3) Sungai Berang yang cetek mengakibatkan senang banjir dan lambat reda.



11: Sesi Dialog bersama Persatuan Belia Kg. Gunung

FGD 10 dihadiri oleh 13 orang belia Kg Gunung yang mengendalikan kawasan perkelahan dan rekreasi CBT Kalang Rengas, Kampung Gunung Ajil. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) cabaran bencana banjir di kawasan perkelahan dan rekreasi yang menyebabkan hakisan dan kerosakan fasiliti. Selain itu, (2) pembiayaan modal yang besar bagi memulakan aktiviti eko pelancongan seperti kayak, flying fox dan abseiling dan (3) tiada pengurusan sampah yang sistematik di kawasan kampung.



12: Sesi Dialog bersama Penduduk PPMS Bukit Ara


FGD 11 dihadiri oleh 14 orang JPKK Bukit Ara dan JPKK PPMS Bukit Ara di Surau PPMS Kg. Bukit Ara, Ajil. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) pendapatan harian komuniti PPMS yang tidak tetap, (2) tiada peluang pekerjaan dan persaingan dari warga asing, (3) peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi dan membebankan dan (4) tiada Pusat Pemindahan Sementara (PPS) untuk kemudahan komuniti ketika musim banjir. Ketika ini PPS menumpang di surau PPMS Bukit Ara.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.038 Hulu Terengganu (Terengganu)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Hulu Terengganu ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Rosol bin Wahid dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM; juga disingkatkan sebagai BERSATU)</i></p>		 <p>YB Dato' Rosol bin Wahid</p>																					
Parlimen	P 038																						
Kawasan	Hulu Terengganu																						
Negeri	Terengganu																						
Jumlah penduduk	<p>91,855 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>91,395</td> <td>99.5</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>184</td> <td>0.2</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Lain_lain</td> <td>276</td> <td>0.3</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>91,855 orang</td> <td>100.0</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Hulu Terengganu Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	91,395	99.5	2.	Cina	184	0.2	3.	Lain_lain	276	0.3	JUMLAH KESELURUHAN		91,855 orang	100.0
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																				
1.	Bumiputera	91,395	99.5																				
2.	Cina	184	0.2																				
3.	Lain_lain	276	0.3																				
JUMLAH KESELURUHAN		91,855 orang	100.0																				
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan- Makanan dan Kraftangan • Pertanian- Padi, Getah, Kelapa Sawit • Perikanan Darat- Tilapia, Patin dan Kelah • Pelancongan- Tasik Kenyir 																						
Pasukan Penyelidik	<ol style="list-style-type: none"> 6. Dr. Siti Nur Ain Binti Zakinuddin: Ketua Penyelidik & Penulis Laporan 7. Mohamed Daniel Mokhtar: Ketua Penyelidik Lapangan 8. Mr James Ryan Raj: Penyelidik 9. Pn Nur Balqis Binti Osman: Penyelidik 10. Pn Siti Shafina Binti Sanusi: Penyelidik 																						

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 *Focus Group Discussion* (FGD) dan dua lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Hulu Terengganu dan satu sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Terengganu.

Tarikh	Sesi Dialog / Focus Group Discussion (FGD)
14 Februari 2024	Sesi Dialog 1: Petani Tempatan Sesi Dialog 2: Pengusaha Projek Tanaman Padi Berkelompok Lawatan Tapak 1: Saluran pengairan dan pam pertanian Sesi Dialog 3: Orang Asli Sg Berua
15 Februari 2024	Sesi Dialog 4: Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuala Berang Sesi Dialog 5: Pertubuhan Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Kuala Berang Sesi Dialog 6: Persatuan Ibu Tunggal Sesi Dialog 7: Badan Gabungan Majlis Belia Daerah Hulu Terengganu Sesi Dialog 8: Komuniti Cina
16 Februari 2024	Sesi Dialog 9: Mangsa Banjir PPS Pengkalan Ajal Sesi Dialog 10: Persatuan Belia Kg Gunung Lawatan Tapak 2: Kawasan Rekreasi Kalang Rengas Sesi Dialog 11: Penduduk PPMS Kg Bukit Ara
28 Februari 2024	Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
1.	Kekurangan pelapis petani muda	<ul style="list-style-type: none"> • Petani di Hulu Terengganu • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti pertanian dilaksanakan oleh kebanyakan warga emas berusia lingkungan 60 hingga 75 tahun yang mengamalkan pertanian sejak dua hingga tiga generasi kira-kira dalam 40 hingga 60 tahun • Generasi muda berpendapat bahawa, aktiviti pertanian tidak mempunyai masa depan dan pendapatan adalah kurang dan kos input pertanian adalah sangat tinggi dan tidak berbaloi 	<p>Jabatan Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keterlibatan belia terhadap tanaman kontan seperti jagung secara konvensional masih di tahap rendah kerana belia lebih memilih sistem fertigasi dan hidroponik • Belia beranggapan tanaman secara konvensional adalah rumit kerana memerlukan penjagaan rapi • Jabatan Pertanian ada menyediakan program untuk memupuk minat lebih ramai lagi warga belia untuk menceburi bidang pertanian moden .
2	Kos input pertanian yang tinggi tanpa bantuan berterusan	<ul style="list-style-type: none"> • Petani jagung • Petani padi sawah 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos pembelian benih dan baja meningkat dan membebankan petani. • Bantuan yang diberi Jabatan Pertanian kepada pengusaha padi hanya ketika permulaan tanaman sahaja. • Tiada bantuan sewa tanah untuk penanaman padi dari mana-mana 	<p>Jabatan Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat insentif yang disediakan kepada peserta berlainan setiap tahun, selepas lima tahun, peserta yang sama baru boleh memohon • Insentif yang disediakan adalah dari segi input pertanian dan infrastruktur • Benih dan racun merupakan bahan yang

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>pihak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga benih jagung kini lebih kurang RM85 untuk 500g tahun 2023 berbanding dengan RM60 untuk 500g pada tahun 2022. • Menurut petani juga, peningkatan harga racun dan baja sangat mendadak. 	<p>diimport dan peningkatan harga berlaku adalah juga di luar kawalan Jabatan Pertanian kerana ia adalah masalah global</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian menyediakan inisiatif kursus penggunaan racun organik bagi mengurangkan penggunaan racun kimia • Tiada subsidi disediakan bagi tanaman kontan, sayur
3	Masalah penguasaan 3M di kalangan orang asli	Orang Asli Sg Berua	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah penguasaan 3 M di kalangan orang asli dewasa, wanita dan remaja masih tinggi. • Perkara ini memberi impak kepada ketiadaan peluang pekerjaan dan kesukaran memohon kursus peningkatan kemahiran. 	Tiada ulasan dari mana-mana agensi

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4	Pencerobohan tanah rizab Orang Asli di Kampung Sg Berua	Orang Asli Sg Berua	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan rizab Orang Asli berhampiran perkampungan orang Asli Sg Berua diceroboh oleh penanam sawit. • Hal ini telah dilaporkan ke pejabat tanah pada November 2023. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanah rizab yang dimaksudkan oleh Orang Asli adalah kecil dan tidak sampai 10 ekar dimana ia sudah dikeluarkan status tanah rizab sejak tahun 2011 dan telah dimaklumkan kepada JAKOA • Komuniti orang asli tidak dapat menerima pertukaran status tanah rizab tersebut walaupun sudah mendapat maklum mengenai pertukaran tersebut
5.	Bangunan PAWE Hulu Terengganu yang usang dan tidak diselenggara	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan aktiviti dan bangunan PAWE yang sedia ada berada di dalam keadaan yang usang dan perlu ditambah baik. • Ahli PAWE telah maklum bahawa pihak mereka telah memohon dana dari Pejabat Tanah Hulu Terengganu pada tahun lepas. Menurutny, peruntukan telah lulus namun bajet telah habis. • Infrastruktur PAWE juga tidak mesra 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • PAWE adalah dibawah pertubuhan dan bergerak sendiri, tidak seperti sebelumnya yang beroperasi dibawah JKM, tetapi JKM masih lagi melakukan pemantauan <p><i>Ulasan mendalam tiada dalam rakaman kerana agensi tidak membenarkan rakaman diambil</i></p>

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Warga Emas yang OKU.	
6.	Kelengkapan warga emas tidak mencukupi	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Kelengkapan warga emas seperti kerusi roda, katil pesakit adalah, memerlukan kos yang tinggi untuk dibeli secara persendirian. • Ramai golongan warga emas memerlukan bantuan pinjaman kelengkapan ini namun tidak banyak agensi yang dapat memberi pinjaman. 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • JKM perlu mendapatkan maklumat diri warga emas bagi melayakkan mereka menerima bantuan • Bagi pesara kerajaan, terdapat badan berkanun dan beberapa kriteria yang melayakkan mereka menerima dan ada juga yang tidak melayakkan mereka menerima bantuan peralatan • Penilaian kesihatan dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilakukan bagi mengesahkan keperluan bantuan peralatan • Warga emas dalam kategori miskin akan dibantu JKM bagi mendapatkan bantuan kerusi roda
7.	Keperluan bantuan makanan di PPDK Kuala Berang	<ul style="list-style-type: none"> • OKU Pelatih PPDK • Petugas PPDK 	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai di antara anak-anak OKU di PDK datang dari keluarga yang susah. Ada di antara mereka yang tidak mampu untuk membeli makanan. 	<p>JKM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat mempunyai anggapan salah terhadap PPDK seperti perlu menyediakan makanan kepada ahli PPDK

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<ul style="list-style-type: none"> Pihak PDK tidak mampu untuk menyediakan makan tengah hari untuk pelatih OKU kerana kekurangan dana. 	<ul style="list-style-type: none"> PPDK merupakan pertubuhan sejak tahun 2017 dan bukan sepenuhnya dibawah tanggungjawab JKM JKM memberi cadangan jika ahli PPDK tidak mempunyai kemampuan, boleh tampil ke JKM untuk bantuan yang diperlukan Pelatih PDK, diberi elaun RM300 sebulan boleh digunakan untuk keperluan makan dan minum
8.	Geran Pengurusan PDK Kuala Berang yang tidak mencukupi	<ul style="list-style-type: none"> OKU Pelatih PPDK Petugas PPDK 	<ul style="list-style-type: none"> Masalah pemotongan jumlah geran untuk pengurusan PDK daripada JKM. Geran yang diberikan oleh JKM merangkumi elaun petugas, elaun OKU, sewaan premis dan bayaran utiliti. Geran untuk aktiviti bersama OKU sudah tidak lagi diberikan. Terdapat 15 buah PDK di dalam kawasan Hulu Terengganu dan seramai 23 orang petugas berkemungkinan akan kehilangan 	<p>JKM</p> <ul style="list-style-type: none"> Geran tahunan diberikan kepada PDK dalam jumlah yang terhad Nisbah petugas dan pelatih adalah 1 nisbah 5 Jika tidak mencukupi nisbah, pembayaran tidak dilakukan sepenuhnya JKM memaklumkan isu bayaran sudah selesai

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pekerjaan kerana perlu mengikut jumlah ratio yang telah ditetapkan (1:5).	
9.	Tiada latihan atau kursus untuk peningkatan kualiti kerja petugas PDK	<ul style="list-style-type: none"> • OKU Pelatih PPDK • Petugas PPDK 	<ul style="list-style-type: none"> • Staf yang bertugas di PDK tidak mempunyai kelulusan atau latar belakang penjagaan OKU. • Tiada pendidikan rasmi atau berkrediti bagi petugas-petugas di PDK untuk menaiktaraf kualiti kerja mereka. • Kursus yang ditawarkan pihak JKM tidak merangkumi keseluruhan penjagaan OKU (cth: Fisioterapi dan Jurupulih Cara Kerja). 	<p>JKM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kursus petugas disediakan baru-baru ini melibatkan dua orang petugas dari setiap PDK • PDK perlu bergerak secara proaktif dalam mendapatkan khidmat seperti khidmat KKM kerana PDK ialah sebuah pertubuhan
10.	Persepsi masyarakat setempat mengenai produk PDK	<ul style="list-style-type: none"> • OKU Pelatih PPDK • Petugas PPDK 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekangan dihadapi oleh pihak PDK Kuala Berang untuk pasaran produk yang dihasilkan oleh pelatih OKU. • Produk-produk OKU tidak mendapat sokongan dari komuniti setempat. 	<p>JKM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persepsi masyarakat yang menganggap produk dari PDK dibuat oleh orang cacat tidak berkualiti, contohnya masyarakat lebih memilih produk karipap yang dibungkus tanpa label berbanding yang mempunyai label PDK, walaupun produk tersebut adalah dari PDK yang sama

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> Pemasaran produk PDK boleh dilakukan dengan agensi kerajaan seperti MARA
11.	Peluang pekerjaan golongan OKU tidak banyak	OKU	<ul style="list-style-type: none"> Tidak banyak majikan di sekitar Hulu Terengganu yang mempunyai kapasiti untuk mengambil pekerja OKU. Golongan OKU tidak mempunyai pendapatan bulanan untuk meringankan beban sara hidup keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada ulasan mana-mana agensi
12.	Krisis pelapis kepimpinan belia di Majlis Belia Daerah	Belia di Hulu Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Belia merakamkan kebimbangan terhadap dasar kerajaan yang mengubah takrif umur belia dari 15-40 tahun kepada 15-30 tahun boleh menimbulkan krisis kepimpinan belia selepas pelaksanaannya pada 2026 kelak kerana ketiadaan perancangan 'blueprint' yang menyeluruh terhadap kesiapsediaan belia generasi akan datang. 	<p>Jabatan Belia dan Sukan</p> <ul style="list-style-type: none"> Akta perubahan umur belia masih belum diwartakan lagi Terdapat program yang diberi nafas baru seperti Rakan Muda untuk mendapatkan pelapis belia yang berkualiti Had umur Rakan Muda hanya sehingga 25 tahun, belia boleh menyertai kelab yang lain jika melepasi had umur tersebut seperti Kelab Majlis Belia dan Persatuan Belia 4B

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> Isu kekurangan pelapis belia juga berlaku di kebanyakan daerah di Terengganu
13.	Tiada PPS di PPMS Bukit Ara	Penduduk PPMS Bukit Ara	<ul style="list-style-type: none"> Pusat penempatan sementara (PPS) bagi mangsa banjir di PPMS Bukit Ara sangat diperlukan penduduk. Banjir yang berlaku setiap musim <i>Moonsun Timur Laut</i> menyebabkan penduduk terpaksa berpindah sementara ke surau. Surau yang sedia ada tidak boleh menampung penduduk dan pada banjir yang berlaku tahun lepas, paras air sudah hampir memasuki surau. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu</p> <ul style="list-style-type: none"> PPS Bukit Ara sudah ada disenaraikan dalam senarai bina baru tahun 2023, namun tidak dapat direalisasikan kerana kekangan kewangan. Buat waktu ini PPS di kawasan ini perlu menggunakan kemudahan yang sedia ada. PJDTHT telah menyenaraikan keperluan pembinaan PPS seterusnya penilaian dan siasatan adalah dari pelbagai pihak seperti Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), dan juga NADMA melibatkan anggaran kos, kapasiti dan isu-isu melibatkan tanah Peruntukan dari negeri tidak mencukupi untuk meluluskan pembinaan PPS Bukit

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				Ara yang baru
14.	Harga pasaran tanaman jagung sangat rendah	Petani jagung	<ul style="list-style-type: none"> • Disebabkan jagung dari pasaran luar masuk khususnya dari Thailand, Perak dan Johor, harga jualan jagung tempatan di jual dengan harga rendah sebanyak RM1.00 untuk satu biji jagung. • Hasil yang tidak lumayan, petani terbeban dengan kos input tanaman jagung yang tinggi 	Jabatan Pertanian <ul style="list-style-type: none"> • Pemasaran hasil perlu dilakukan sendiri oleh petani ataupun melalui FAMA yang perlu mempunyai kontrak • Jabatan Pertanian tidak menyediakan perkhidmatan pemasaran
15.	Lambakan hasil pertanian pada masa tertentu	Petani kawasan Kampung Gaung	<ul style="list-style-type: none"> • Lambakan hasil pertanian pada masa tertentu disebabkan oleh penghantaran dari kampung bersebelahan. • Bila berlaku lambakan hasil tuaian, harga tanaman terpaksa di jual dengan rendah 	Jabatan Pertanian <ul style="list-style-type: none"> • Lambakan hasil kebiasannya melibatkan buah bermusim, jagung tidak bermusim jadi tiada lambakan berlaku • FAMA dan juga pemborong terlibat dalam jualan hasil buah bermusim seperti duku dan rambutan • Tanaman kontan iaitu sayur mempunyai jadual penanaman dan penanaman yang mengikut jadual tidak akan mengakibatkan lambakan hasil

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
16.	Ancaman penyakit tanaman	Petani kawasan Kampung Gaung	<ul style="list-style-type: none"> • Kulat yang membiak di batang jagung membantut tumbesaran jagung • Penyakit pokok menjadi lebam dan berair adalah bukan disebabkan oleh cuaca tetapi masalah akar pokok • Penyakit pokok tidak berjangkit tetapi jika setiap pokok diserang penyakit, kebun akan rugi • Ancaman penyakit padi. Jabatan Pertanian membantu memberi nasihat jenis benih padi untuk dituai pada setiap musim bagi mengurangkan risiko penyakit padi. 	<p>Jabatan Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian menyediakan kawalan penyakit dan perosak secara berjadual iaitu Bahagian Teknikal memantau penyakit dan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan untuk mengawal penyakit dan perosak • Bahagian Biosekuriti Tumbuhan akan mengambil sampel jika menerima aduan petani dan sampel tersebut akan dilakukan ujian makmal untuk mengenalpasti penyakit atau perosak tanaman
17.	Benih padi kurang berkualiti	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Kemerosotan kualiti benih padi sudah berlaku sejak 10 tahun. • Penolakan sehingga 40% akibat daripada padi angin dan mengurangkan pendapatan hasil 	<p>Jabatan Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian tidak bertanggungjawab dengan kualiti benih padi kerana pembelian dilakukan melalui

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>padi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anggaran keluasan tanah 200 ekar boleh menghasilkan 150-180 tan padi • Penanaman padi ini adalah mengikut sistem, sekiranya salah satu proses bermasalah, akan mengakibatkan kesan keseluruhan tanaman. 	<p>Peladang yang bertanggungjawab dalam jualan benih padi bersubsidi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengawalan terhadap benih padi angin perlu dilakukan bagi mengelakkan padi tidak berkualiti • Kawalan awal akan dilakukan jika menerima aduan dari pesawah mengenai padi angin • Padi angin yang tumbuh sehingga hampir proses menuai sudah tidak dapat ditangani kerana sudah melepasi tempoh matang
18.	Penurunan hasil padi menjejaskan jualan	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Padi dijual dengan harga RM1,200 satu tan • Tidak semua padi dari lima ekar tanah boleh dijual disebabkan ancaman banjir, haiwan perosak dan ancaman penyakit padi • Hanya tiga tan padi sahaja dapat dijual sekarang berbanding 8-10 tan sebelum-sebelum ini • Upah diberi kepada pekerja adalah 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada maklumbalas agensi

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			RM100 bagi satu tan untuk satu-satu musim	
19.	Pembinaan pam air Paya Lasir dan tali air di Kampung Matang dan Kampung Kemat terbengkalai	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Projek pam air yang sepatutnya meningkatkan kecekapan pengeluaran hasil petani sawah padi di sekitar Kampung Matang dan Kampung Kemat kini terbengkalai. • Projek ini terhenti sejak tahun 2022 dan tali air juga tidak berkualiti. • Tali air yang kurang berkualiti juga menyebabkan tanah jerlus dan mengakibatkan jentera susah untuk keluar masuk ke sawah padi. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu</p> <p>Perkara ini dalam makluman Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tetapi proses ini mengambil masa kerana melibatkan pengambilan tanah hak milik persendirian</p>
20.	Ketiadaan jentera tenggala untuk membajak sawah	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Tenggala sedia ada di Jabatan Pertanian selalu rosak dan tidak boleh digunakan. • Buat masa ini, hanya satu jentera yang dapat digunakan dan harus dikongsi satu daerah. • Petani terpaksa menyewa daripada pihak luar dan kos 	<p>Jabatan Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tenggala sawah tidak disediakan Jabatan Pertanian tetapi Peladang, pesawah akan menyewa dengan Peladang • Jabatan Pertanian hanya mempunyai traktor pembajak untuk pertanian sayur

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			penyewaan jentera luar mahal dan membebankan petani	
21.	Pendapatan hasil hutan terancam	Orang Asli Sg Berua	<ul style="list-style-type: none"> • Punca pendapatan utama penduduk Orang Asli Sg Berua adalah hasil hutan di Tasik Kenyir seperti kayu gaharu, tongkat ali dan kacip fatimah. • Hasil tanaman ini diteroka secara haram dari peneroka warga asing yang mencero boh kawasan hutan simpan. 	<p>Jabatan Perhutanan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pencerobohan setakat ini pada tahun 2022 ada tangkapan warga Kemboja hasil dari rondaan. • Tahun 2023 dan tahun 2024 tiada lagi laporan mengenai isu pencerobohan warga asing. • Tiada aduan diterima dari wakil Orang Asli. • Dalam masa yang sama, pihak Perhilitan juga ada membuat rondaan bersepadu dengan PGA. Ops itu pun sekarang sedang berjalan dan akan berjalan setiap bulan antara 16-18 hari. <p>Jabatan Perhilitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ops Perhilitan dilakukan pada setiap bulan berdasarkan jadual berkala dari pihak HQ.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> • Rondaan akan masuk ke dalam kawasan-kawasan tertentu dalam hutan selama 14 hari atau 15 hari bersama dengan Perhutanan, Perhilitan dan PGA. • Pencerobohan warga asing untuk tahun lepas ada dua kes. • Kebanyakan pencerobohan kayu gaharu, dan jerat buruan ditemui dalam hutan tetapi penceroboh yang disyaki warga asing tidak dapat tangkap. • Orang Asli juga terlibat dalam inisiatif Renjer Komuniti. Tapi itu dalam Taman Negara sahaja.
22.	Kos sara hidup yang tinggi	Komuniti Cina Peniaga	<ul style="list-style-type: none"> • Kos barangan mentah yang tinggi membebankan perniagaan masyarakat Cina. • Ini mengakibatkan harga jualan dinaikkan dan menjejaskan pendapatan mereka akibat kurang pelanggan. 	<p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permasalahan ini bukan untuk masyarakat Cina sahaja. • Peningkatan kos ini bukan untuk masyarakat Cina sahaja tetapi lebih kepada masalah global, kesan nilai mata wang kita dan lain-lain.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> • Pihak KPDN sentiasa buat pemantauan harga barangan. • Sekiranya mendapat aduan mengenai harga, pihak KPDN akan bertindak mengikut undang-undang. • Tiada pemborong besar di Hulu Terengganu. Pemborong yang di sini akan membeli barangan dari Kuala Terengganu. Pemborong ini dikategorikan kepada kelas ke-2 atau ke-3. • KPDN juga maklum memang ada kenaikan harga barangan runcit terutama pada musim perayaan. • Antara langkah-langkah yang diambil oleh KPDN adalah seperti Program Jualan Rahmah. • KPDN membuat jualan rahmah secara mobile pada setiap kampung di setiap DUN. Potongan harga sehingga 30% untuk barangan runcit dan barang basah akan dijual. Program ini sejak tahun sejak 2022 lagi.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> • Sejak program Jualan Rahmah berlangsung, pihak KPDN tempatan tidak menerima sebarang aduan kenaikan harga. • Pemantauan banyak dilakukan seperti Ops Pasar. Ops ini biasanya akan dilakukan tanpa pengetahuan peniaga.
23.	Ancaman kera	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kg. Langgar, Gaung, Telaga dan Bukit Biah 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah kera telah berlaku sejak tahun 2018 dan semakin kritikal selepas 2020. • Menurut penduduk, kesan daripada pembalakan telah memusnahkan habitat kera di hutan dan mula mencari makan di Kawasan kampung Kg. Langgar, Gaung, Telaga dan Bukit Biah • Kera diberi makan oleh masyarakat menyebabkan mereka datang balik • Pernah ada kerjasama dengan agensi tempatan untuk tembak kera pada tahun 2021 tetapi masalah kera masih tidak selesai. 	<p>Jabatan Perhilitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perhilitan pun sukar mengatasi masalah ini kerana kera cepat membiak. • Masalah ini bukan di Hulu Terengganu sahaja tetapi seluruh Malaysia. • Usaha Perhilitan hanya boleh mengurangkan bilangan. • Terdapat 10 biji perangkap kera di Daerah Hulu Terengganu • Bagi tahun 2018, 416 ekor berjaya diperangkap, dan sebanyak 32 ekor dilupus tembak mati. • CSR mula dibuat oleh Jabatan Pertanian dengan kerjasama Perhilitan sebagai inisiatif kawalan musuh pada tahun 2022.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>Lebih kurang 6 kali CSR dilakukan dalam setahun.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat (penembak berlesen) juga akan terlibat sekali dalam program CSR. • Perhilitan bagi kebenaran untuk menembak sekiranya mengancam keselamatan atau tanaman dan harta benda. Tetapi diminta jangan viralkan. Pelihara pun salah dari sisi undang-undang. • Penggunaan racun tak sesuai untuk kera. Kera akan muntah jika dia rasa pelik dan racun juga boleh menyebabkan kematian kepada haiwan lain seperti kucing, ayam dan lain-lain. • Bila ada berlaku pembalakan di bahagian dalam (hutan), kera, gajah dan binatang lain akan keluar dari kawasan itu. • Empangan di tasik berhampiran Pengkalan Kawi juga memberi kesan kepada gajah di kawasan itu. • Menjadi kesalahan apabila kera atau

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				hidupan liar diberi makan oleh masyarakat setempat. Ini kerana banyak kesan negatif apabila hidupan liar sudah biasa diberi makan
24.	Bencana banjir	<ul style="list-style-type: none"> • Petani • Penduduk Kg. Pengkalan Ajal dan Kg. Kua • Pelajar Sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> • Banjir menjejaskan tanaman petani. • Penduduk Kg. Pengkalan Ajal dan Kg. Kua akan mengalami insiden banjir 2-3 setahun • Kerugian yang besar ditanggung oleh penduduk akibat kekerapan banjir • Hujan yang lebat lebih dari 2- 3 jam melibatkan air dari Sungai Berang akan melimpah ke sungai kecil diantara dua kampung mengakibatkan banjir setinggi 5 kaki • Tiada PPS yang sedia ada di Kampung Kua. Pada musim banjir, penduduk akan berpindah sementara di Masjid Kampung Kua 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sejak 2019 kawasan dan penduduk yang terkesan semakin bertambah. • Punca banjir adalah daripada cabang sungai yang tidak terus • Kewujudan empangan di Kenyir, mengurangkan risiko banjir di kawasan sepanjang Sungai Terengganu. • Banjir berlaku di sungai-sungai kecil seperti Sungai Berang dan Sungai Telemung. • Banjir luar biasa berlaku pada tahun 2022 di mana lebih kurang 98 PPS diaktifkan. • Intensiti banjir di sebahagian tempat terlalu teruk berbanding kawasan lain.

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>tetapi tidak sesuai untuk dijadikan PPS kerana kemudahan tandas berada di luar dan selalu tenggelam ketika banjir.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menurut penduduk, aktiviti pembalakan dan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dikatakan punca berlaku banjir dengan skala yang besar dan kekerapan banjir • Cabaran bencana banjir di kawasan perkelahan mengakibatkan aktiviti eko pelancongan ditutup dari bulan November hingga Mac • Banjir juga menyebabkan hakisan tanah dan kerosakkan fasiliti. • Keperluan untuk membina tambakkan yang memerlukan bajet yang tinggi • Setiap kali banjir berlaku aktiviti pembelajaran anak-anak sekolah akan terhenti. • Tiada aktiviti pembelajaran yang 	<ul style="list-style-type: none"> • Selepas banjir teruk pada tahun 2022, terdapat kawasan yang mudah dinaiki air dan mengakibatkan banjir kilat. • Faktor banjir berlaku antaranya perubahan iklim dan perubahan morfologi sungai. • Isu air termenung akibat masalah perparitan, pejabat daerah boleh selesaikan tetapi isu sungai mungkin ada masalah. • Peruntukan yang besar diperlukan untuk mendalamkan sungai sekitar kawasan Hulu Terengganu. • Bantuan wang Ihsan dari NADMA untuk rumah yang terlibat banjir dan berdaftar di PPS sebanyak RM1,000 setiap rumah. • Sekiranya berlaku kehilangan nyawa bantuan sebanyak RM10,000 akan dihulurkan kepada keluarga. Peruntukkan ini dari NADMA dan diseliakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu. • Dari segi premis perniagaan, agensi-

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>baik di jalankan ketika berada di PPS selain mewarna bagi kanak-kanak</p>	<p>agensi terlibat dengan perusahaan seperti MARA juga akan memberi bantuan.</p> <p>JPS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isipadu, kedalaman sungai sudah semakin cetek, seperti di Belukar Bukit, paras air hanya sampai buku lali sahaja. Ini disebabkan oleh kepala air dari hujan bukit. • Selepas berlakunya kepala air, semua sungai menjadi cetek. • Hujan yang terlampau lebat di kawasan hulu sungai di atas bukit menyebabkan kepala air. • Kesan banjir semakin teruk atas faktor-faktor semulajadi. • Masalah utama ialah taburan hujan di kawasan Hulu Terengganu sangat tinggi. • Kejadian kemalangan kurang atau tiada sebab penduduk sudah peka dan banyak pengalaman tentang banjir di kampung-

NO	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				kampung mereka.
25.	Pengurusan Sampah	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli Sg. Berua • Penduduk Kampung Chepuh 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pusat pelupusan sampah yang sempurna menyebabkan masalah pembuangan sampah di kawasan sekitar sungai oleh penduduk. Perkampungan Orang Asli Sg. Berua • Permohonan sudah beberapa dibuat tapi belum ada tindakan. • Tempat pembuangan sampah di Kampung Chepuh jauh. Kampung ini terletak agak jauh dari jalan besar. 	<p>Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pernah terjadi serangan wabak penyakit di Sg Berua yang mengakibatkan kematian • Hasil kajian sampel, mendapati wabak penyakit tersebut berpunca dari pembuangan najis tidak terurus • Terdapat penduduk yang tiak menggunakan tandas dalam rumah • Pihak PBT bercadang menambah tong roro di kawasan yang terlibat dengan isu pengurusan sampah tetapi tidak diluluskan • Keadaan demografi Kampung Chepuh dan beberapa kawasan lain yang jauh ke dalam dengan jalan yang kecil menyukarkan lori sampah untuk sampai ke sana menyebabkan tong sampah hanya disediakan di kawasan luar sahaja.

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: CABARAN SOSIOEKONOMI TEMPATAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ul style="list-style-type: none"> 4. Kos pertanian yang tinggi 5. Sumber ekonomi terjejas ketika banjir 6. Kos perniagaan yang meningkat
Cadangan	<ul style="list-style-type: none"> 4. Mengadakan kelas dan latihan asas pembuatan benih dan racun sendiri bagi pertanian 5. Penjanaaan ekonomi melalui Industri Kecil Sederhana (IKS) 6. Perusahaan pelancongan dipertingkatkan
Kumpulan Terjejas	Petani, Peniaga
Kawasan	Kuala Berang, Kampung Matang, Telemong, Kampung Langgar, Gaung, Telaga dan Bukit Biah
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi Dan Pekerjaan Yang Baik	Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan memperkenalkan budaya dan produk tempatan
SDG 9: Industri, Inovasi Dan Infrastruktur	Sasaran 9.4: Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan menaik taraf industri untuk menjadikannya mampan, dengan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing.

PENGUTAMAAN ISU 2: KEKURANGAN PELUANG PEKERJAAN BELIA

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<p>2. Penghijrahan belia ke bandar untuk mencari kerja</p> <p>3. Program pertanian konvensional kurang diminati belia</p>
Cadangan	<p>5. Projek pembinaan kiosk perniagaan</p> <p>6. Projek penternakan ikan sangkar</p> <p>7. Kelas pemasaran secara dalam talian</p>
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Hulu Terengganu, Kampung Gunung, Kalang Rengas, Ajil
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Menoktahkan kemiskinan	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan.
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Baik	<p>Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.</p> <p>Sasaran 8.6 Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.</p>

<p>SDG 9: Industri, Inovasi Dan Infrastruktur</p>	<p>Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik, dan penyepaduannya ke dalam rantai nilai dan pasaran.</p> <p>Sasaran 9.c: Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan telekomunikasi secara signifikan, serta berusaha untuk menyediakan capaian Internet yang sejagat dan mampu dimiliki bagi negara kurang membangun menjelang 2020.</p>
---	--

PENGUTAMAAN ISU 3: KELEMAHAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI ORANG ASLI

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<p>5. Pencerobohan hasil hutan 6. Penguasaan 3M yang rendah</p>
<p>Cadangan</p>	<p>5. Peralihan sumber ekonomi berasaskan hutan kepada sumber ekonomi berasaskan pembuatan 6. Kelas tuisyen percuma kepada mereka yang bermasalah menguasai 3M</p>
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<p>Orang Asli</p>
<p>Kawasan</p>	<p>Sungai Berua</p>
<p>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</p>	
<p>SDG yang berkaitan</p>	<p>Sasaran SDG Berkaitan</p>
<p>SDG 2: Menamatkan kelaparan</p>	<p>Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta</p>

	meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif.
SDG 11: Bandar dan Masyarakat yang Mampan	Sasaran 11.4: Memperkukuh usaha melindungi dan memelihara warisan asli dan kebudayaan dunia.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.b: Membangunkan dan melaksanakan peralatan untuk memantau kesan pembangunan mampan kepada pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan memperkenalkan budaya dan produk tempatan.

BAHAGIAN TIGA

LAPORAN P.085 PEKAN (PAHANG)



BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.085 PEKAN (PAHANG)

2 -5 Februari 2024 (Jumaat - Isnin)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Pengusaha/Petani/Penternak
2. Sesi Dialog bersama Belia
3. Sesi Dialog bersama Komuniti Cina
4. Lawatan Ke Perbadanan Muzium Negeri Pahang dan Istana Mangga Tunggal
5. Lawatan Ke Kompleks LKIM, Kuala Pahang

HARI 2

6. Sesi Dialog bersama komuniti peniaga/penjaja Chini
7. Sesi Dialog bersama ibu tunggal
8. Sesi Dialog bersama komuniti dan JPKK Dara, Chini
9. Sesi Dialog bersama komuniti FELDA
10. Lawatan ke Tasik Chini

HARI 3

11. Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli Durian Sebatang
12. Sesi Dialog dan lawatan bersama Penduduk Kampung Tg. Medang Hulu
13. Sesi Dialog bersama Orang Asli Patah Jelutong

HARI 4

14. Sesi Dialog bersama komuniti B40, Dun Pulau Manis
15. Sesi Dialog bersama bersama Komuniti Mangsa Banjir

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Wan Suzita
(Ketua Penyelidik)



Yoogeshwaran



Nurul Syahirah



Siti Yafinaz Sanusi

Dengan sokongan
daripada Ahli
Parlimen Pekan,
YB Dato' Sri
Sh Mohmed Puzi
Bin Sh Ali



23 November 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awalan dengan YB Dato' Sri Mohamed Puzi Sh Ali (Ahli Parlimen Pekan) untuk pelokalisasian SDG pada tahun 2024.



8 Disember 2023 - Mesyuarat Pra Lawatan

Ketua Penyelidik bagi Parlimen Pekan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim dan Aisyah, telah menghadiri satu Mesyuarat Pra Lawatan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Pekan, bagi memperkenalkan APPGM-SDG dan persiapan sebelum 3 hari lawatan tapak untuk Parlimen Pekan 2024. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Pegawai Daerah, Pekan/KADO bersama wakil YB Pekan/ADUN dan penghulu-penghulu mukim.



1: Sesi Dialog bersama Pengusaha, Petani dan Penternak

FGD 1: dihadiri oleh 23 orang pengusaha, petani dan penternak di Kg Bentan, Mukim Kuala Pahang, Dun Peramu Jaya. Lawataan turut dihadiri oleh YB. Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, Adun Kawasan Peramu Jaya (N21). Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** kekurangan dana dan sumber kewangan bagi memulakan aktiviti pertanian **(2)** tiada pengetahuan dan kemahiran asas tanaman pertanian **(3)** perubahan iklim yang tidak menentu, **(4)** ancaman penyakit tanaman seperti daun kerinting dan serangga perosak, **(5)** pemilihan benih tanaman yang berkualiti, dan **(6)** pengawalan dari segi pengurusan dan kawalan tanaman



2: Sesi Dialog bersama belia

FGD 2: dihadiri oleh 27 belia melayu dan masyarakat orang asli di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Pekan. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** kekangan dalam membuat permohonan bantuan kewangan pertanian kerana ketiadaan pemilikan geran tanah, **(2)** bilangan remaja berhenti sekolah dan pelajar tercicir meningkat **(3)** peningkatan latihan kemahiran di kalangan belia orang asli, **(4)** pemansuhan peperiksaan besar seperti UPSR dan PT3 menyebabkan kekurangan motivasi di kalangan belia dan **(4)** tiada sokongan daripada agensi atau badan bukan kerajaan dalam masalah keciciran pelajar.



3: Sesi Dialog bersama MCA Cawangan Pekan

Sesi FGD 3: dihadiri oleh 19 orang komuniti Cina di Pusat MCA, Pekan yang diketuai oleh En. Tan Teng Chuang, Pengerusi MCA Cawangan Pekan dan Ahli Majlis Perbandaran Pekan. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** peningkatan harga barang yang menyukarkan kehidupan seharian terutamanya warga emas, **(2)** masalah sistem perparitan, **(3)** masalah vandalisme dan kekacauan dan **(4)** penambahbaikan Pusat Komuniti Warga Emas



4: Lawatan ke Muzium Negeri Pahang dan Istana Mangga Tunggal

Lawatan bersama pegawai khas Parlimen Pekan dan di sertai oleh 6 orang pegawai Muzium Pahang, Pekan (Pegawai Arkeologi dan Pegawai Pengurusan Istana Mangga Tunggal).

- Muzium Negeri Pahang mempamerkan pelbagai pameran bahan seramik dan artifak yang menggambarkan kebudayaan Negeri Pahang.
- Istana Mangga Tunggal pula merupakan Istana nenda Baginda Tuanku Sultan Pahang, Sultan Abdullah. Istana tersebut telah diserahkan kepada pihak muzium untuk dihidupkan kembali.



5: Lawatan Ke Kompleks LKIM, Kuala Pahang

Kompleks LKIM di Kuala Pahang merupakan pusat pendaratan nelayan laut Kuala Pahang. Ketika ini berlaku pengurangan jumlah penangkapan ikan kerana para nelayan tidak dapat turun ke laut, di sebabkan oleh faktor angin dan keadaan ombak besar yang membahayakan keselamatan nelayan yang kebanyakannya hanya memiliki lesen bot fiber.



6: Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga/Penjaja Dara, Chini

FGD 4 dihadiri oleh 24 orang usahawan komuniti Dara, Chini dari pelbagai kampung di Balairaya Dara, Chini. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** peningkatan kos barangan mentah yang tinggi dan terhad, **(2)** kuasa pembeli yang rendah dan persaingan tinggi antara usahawan, **(3)** jarak ke bandar terlalu jauh menyukarkan urusan kemudahan asas seperti hospital, perbankan dan pelesenan, **(4)** konflik penetapan harga jualan, serta **(5)** isu penagihan dadah dan penggunaan vape dengan bahan dadah.



7: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal Dara, Chini

FGD 5: dihadiri oleh 22 orang ibu tunggal pelbagai kampung yang berdaftar di bawah Persatuan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia, Parlimen Pekan. Antara isu yang diketengahkan **(1)** penurunan harga sawit menyebabkan kelancaran ekonomi penduduk tempatan di Dara merudum, **(2)** peningkatan kos sara hidup yang membebankan dan **(3)** proses pendaftaran bantuan kerajaan yang membebankan rakyat terutama yang mempunyai anak OKU serta Isu **(4)** kadar bantuan diterima tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup bulanan .



8: Sesi Dialog bersama Komuniti dan JPKK Dara, Chini

FGD 6 dihadiri oleh 24 orang daripada Ahli Majlis Perbandaran Pekan, JPKK dan komuniti Dara, Chini di Dewan Dara. Antara isu yang diketengahkan adalah isu **(1)** pemilikan rumah yang tidak sah (peninggalan perumahan TNB), **(2)** haiwan liar yang mengancam keselamatan awam, **(3)** kos sara hidup yang membebankan terutamanya golongan warga emas yang tiada pendapatan dan **(4)** jarak kemudahan asas yang jauh seperti hospital



9: Sesi Dialog bersama Komuniti Felda Chini

FGD 7 dihadiri oleh 22 orang di Dewan FELDA, Chini. Isu yang diketengahkan adalah **(1)** penyata hutang peneroka yang tidak dikeluarkan, **(2)** masalah ketiadaan rumah generasi kedua felda, **(3)** pengurusan koperasi ladang dan senario penghasilan ladang sawit, **(4)** penyalahgunaan dadah, **(5)** kekeliruan peranan Felda dan agensi kerajaan yang lain, **(6)** jalan pertanian dan ancaman binatang liar gajah dan **(7)** bangunan perkhidmatan pendidikan yang uzur dan tiada fasiliti yang lengkap



10: Lawatan ke Tasik Chini

Kumpulan penyelidik parlimen Pekan telah melawat ke Lake Chini Resort yang merupakan antara tempat tarikan pelancong yang terkenal di negeri Pahang kerana kecantikan alam semulajadinya. Sejak PKP, tempat ini telah terbiar sepi tanpa jagaan dan pernah menjadi sarang penagih dadah. Secara berkala tempat ini akan dikunjungi oleh penduduk tempatan untuk memancing di bawah pengawasan pengawal keselamatan yang bertugas.



11: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli Durian Sebatang

FGD 8: dihadiri oleh 34 orang komuniti orang asli Kampung Durian Sebatang. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) pencerobohan tanah adat orang asli, (2) sumber pendapatan yang semakin berkurangan (3) hasil hutan yang semakin lupus, (4) pengiktirafan tok batin secara rasmi oleh pihak JAKOA dan (5) aktiviti sosial yang semakin berleluasa akibat penggunaan gadget berlebihan.



12: Sesi Dialog bersama Penduduk Tg Medang Hulu

FGD 9: dihadiri oleh 19 orang penduduk komuniti Tg Medang Hulu di Pejabat Penghulu Mukim Langgar 2. Antara isu yang diketengahkan adalah (1) pemilikan tanah yang pelbagai nama menyukarkan pewaris, (2) peluang pekerjaan terhad dan jauh dari kampung yang boleh membahayakan keselamatan, (3) keadaan jalan raya yang teruk dan ketiadaan lampu jalan dan (4) kekerapan banjir akibat limpahan air sungai pahang



13: Sesi Dialog bersama Penduduk Orang Asli Patah Jelutong

FGD 10: dihadiri oleh 40 orang asli komuniti Patah Jelutong. Antara isu yang diketengahkan adalah isu (1) kemudahan asas utama seperti ketiadaan tenaga elektrik, sumber air bersih, (2) masalah keciciran pendidikan terutamanya isu 3M, (3) kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan wanita, (4) tiada perhubungan jalan raya yang sempurna dan (5) ketiadaan kad pengenalan diri dan sijil kelahiran



14: Sesi Dialog bersama Komuniti Mangsa Banjir Pulau Manis

FGD 11 dan 12 dihadiri oleh 38 orang penduduk komuniti Pulau Manis dari kalangan petani, penternak dan peladang yang majoriti nya merupakan B40. Antara isu yang diketengahkan adalah:

FGD 11: (1) Lot tanah yang belum dimiliki sepenuhnya oleh pewaris (melibatkan pengurusan harta pusaka) (2) kos pertanian (3) maklumat dari pihak kerajaan yang tidak sampai (4) kerosakan jalanraya yang teruk kerana menjadi laluan utama lori trailer susulan daripada aktiviti perlombongan pasir dan (5) sumber pendapatan berkurangan selepas PKP (6) Kurang pemantauan dari pihak pertanian


FGD 12: (1) Sistem perparitan yang tidak diselenggara oleh pihak JPS (2) Keperluan mangsa banjir tidak mencukupi (3) bantuan tidak sampai (4) tiada tebatan banjir (5) terputus hubungan dari bandar Pekan ketika banjir dan isu (6) paip air pecah.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.085 PEKAN (PAHANG)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Pekan ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali dari parti Barisan Nasional (BN)</i></p>		 <p>YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali</p>																													
Parlimen	P.085																														
Kawasan	Pekan																														
Negeri	Pahang																														
Jumlah Penduduk	<p>161,106 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>146,650</td> <td>91.02</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>2,204</td> <td>1.3</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>1,239</td> <td>0.8</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>2,220</td> <td>1.4</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Bukan Warganegara</td> <td>8,793</td> <td>5.4</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>161,106</td> <td>99.92</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Pekan, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	%	1.	Bumiputera	146,650	91.02	2.	Cina	2,204	1.3	3.	India	1,239	0.8	4.	Lain_lain	2,220	1.4	5	Bukan Warganegara	8,793	5.4	JUMLAH KESELURUHAN		161,106	99.92
BIL.	KAUM	BIL.	%																												
1.	Bumiputera	146,650	91.02																												
2.	Cina	2,204	1.3																												
3.	India	1,239	0.8																												
4.	Lain_lain	2,220	1.4																												
5	Bukan Warganegara	8,793	5.4																												
JUMLAH KESELURUHAN		161,106	99.92																												
Kegiatan Ekonomi Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pertanian dan penternakan - padi, getah, penternakan lembu, ayam, akuakultur, kelapa sawit, tanaman kontan (sayuran hijau, kontan & buah) • Perniagaan -peruncitan, premis, gerai • Perindustrian- minyak & gas dan <i>Maritime Industrial Park (TAMP)</i>, automotif (Pekan-Peramu), IKS dan kompleks industri desa (Kuala Pahang) • Pelancongan- Bandar Diraja Pekan, Muzium Negeri Pahang, Tasik chini (Tapak Biosfera), sungai, rekreasi, ekopelancongan, desa, acara, penyelidikan dan pantai • Pendidikan - <i>DRB Hicom of Automotive Malaysia (MCE)</i>, latihan akuakultur Pekan, Pusat Penyelidikan UKM, Tasik Chini, Pusat Konvensyen Pulau Bugis Universiti Malaysia Pahang (cawangan Pekan) • Nelayan- laut (Kuala Pahang) dan darat 																														

Pasukan Kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim: Ketua Penyelidik 2. Nurul Syahirah Abd Aziz: Polisi & Pegawai Penyelidik 3. Siti Shafina Sanusi: Pegawai Pembangunan Kapasiti 4. Yoogeswaran Kanis: Pegawai Solusi Projek
-----------------------	---

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 FGD dan 4 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Pekan dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Tanah Dan Daerah, Pekan, Pahang

TARIKH	PERKARA
2 Febuari 2024 (Jumaat)	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti Pengusaha, Petani di Kg Bentan • Dialog Bersama Komuniti Belia, Pekan • Dialog Bersama Komuniti Cina di Pekan • Lawatan ke Tanaman Komersial – Kg. Bentan • Lawatan Khas ke Muzium Negeri Pahang (Bandar Diraja, Pekan) • Lawatan ke Pusat Perikanan di Kuala Pahang
3 Febuari 2024 (Sabtu)	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti Peniaga, Penjaja di Dara Chini • Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal di Dara Chini • Dialog Bersama Komuniti JPKK Dara, Chini • Dialog Bersama Komuniti FELDA, Chini • Lawatan ke Tasik Chini
4 Febuari 2024 (Ahad)	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti Orang Asli Durian Sebatang • Dialog Bersama Komuniti Kampung Medang Hulu • Dialog Bersama Komuniti Orang Asli Patang Jelutong
5 Febuari 2024 (Isnin)	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti B40 & Mangsa Banjir Pulau Manis
4 Mac 2024 (Isnin)	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Agensi Kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU SOSIAL			
Kes ponteng sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak minat untuk belajar dan pangaruh dari rakan sebaya • Hal ini mula meningkat semenjak UPSR dan PMR dimansuhkan • Penggunaan sosial media yang semakin berleluasa tanpa pemantauan keluarga • Masalah tidak minat pelajar juga atas faktor masalah keluarga, kurang pendedahan tentang pendidikan 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah, Pekan</p> <p>Berkaitan dengan kes ponteng sekolah, pihak sekolah dan PPD sentiasa berusaha menarik pelajar ke sekolah program termasuklah isu keciciran BCM (baca cepat kawan ku) dan melawat rumah pelajar. Ini adalah untuk meningkatkan prestasi pelajar agar tidak tercicir.</p>
Tiada kemahiran dan kepakaran		<ul style="list-style-type: none"> • Tiada tenaga muda yang aktif & mahir • Belia kurang berminat & populasi yang ramai (penghijrahan keluar) • Kesukaran menceburi pelbagai kemahiran untuk masa depan 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah, Pekan</p> <p>Pihak PPD memaklumkan dengan kerjasama KPM telah menyediakan pusat Giat Mara, IKM, Pusat Kem Mara, dan pusat latihan lain yang memberi ruang latihan kepada mereka yang tidak boleh mengikuti sesi persekolahan arus perdana. Ini adalah untuk melahirkan mereka kemahiran dan peluang pekerjaan</p>
Karenah birokrasi		<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Program Agro-prenuer Muda - menetapkan syarat pemohon mesti mempunyai geran tanah • Ini menyebabkan, sesetengah prosedur 	Makluman

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		agak terhalang dan idea akan jadi terbantut	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan kerana pihak Jabatan Belia tidak menghadiri sesi mesyuarat tersebut</i>
Tiada pusat aktiviti belia	• Belia	<ul style="list-style-type: none"> • Belia tempatan mengesahkan bahawa ketiadaan pusat aktiviti belia tempatan menyumbang kepada masalah belia tidak aktif di Parlimen pekan, kebanyakan belia tidak ada motivasi. • Ini juga membuatkan belia membuat aktiviti yang tidak berfaedah. 	<p>Makluman</p> <p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan kerana pihak Jabatan Belia tidak menghadiri sesi mesyuarat tersebut</i></p>
Penyalahgunaan dadah, ketum dan vape	• Belia, Komuniti Cina, Penjaja, Dara Chini, FELDA Chini dan Patah Jelutong	<ul style="list-style-type: none"> • Isu moral pelajar yang bermula dari pergaulan dan pangaruh rakan atau orang luar. • Masalah kewangan keluarga • Persekitaran pembelajaran yang tidak selesai • Mereka menyatakan bahawa kebanyakan anak muda menjadi penagih vape ini dikalangan kampung mereka • Di Kampung Orang Asli Mereka juga memberitahu bahawa ada masalah dadah dalam komuniti tersebut yang menggunakan air ketum. 	<p>AADK, Pekan</p> <p>Di peringkat daerah ni, Pekan ni, kita ada Majlis Tindakan Membanteras dadah yang dipengurusikan sendiri oleh NGO. Dengan kerjasama PDRM, PPD, penghulu dan AADK. Mengikut data, Chini paling tinggi dengan isu dadah. Oleh itu, program rawatan dan pemulihan serta sarimgan air kencing di setiap sekolah contohnya di Chini ada 435 kes dan mereka dalam proses pemulihan</p> <p>Manakala, perkara yang melibatkan ketum dan Vape telah dibincangkan isu ini dalam</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Kerap berlaku antara anak muda komuniti tersebut. 	<p>mesyuarat MTMB untuk mendapatkan penilaian yang lebih lanjut dari pihak kesihatan kerana ianya tidak melibatkan akta dan mendatangkan kemudharatan kepada pengguma sekiranya diambil secara berterusan</p>
<p>Berlaku keciciran pelajar sekolah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • KOA Patah Jelutong 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu ini dijadikan isu paling besar dikalangan belia Pekan. Sejak peperiksaan UPSR dan PMR dimansuhkan • Ini kerana terdapat ramai pelajar yang berhenti sekolah oleh kerana isu ini dan tidak minat ke sekolah • Terdapat juga pelajar Orang Asli Durian Tunggal & Patah Jelutong yang berhenti ke sekolah dan bekerja di usia yang sangat muda • Keadaan ini menjejaskan masa hadapan mereka. 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah, Pekan</p> <p>Maklum balas dari pihak PPD Pekan dimana bawah KPM menyediakan segala kemudahan bukan fokus kepada komuniti lain malah masyarakat orang asli. contohnya Patah Jelutong, pelajar boleh bersekolah di Sekolah Kebangsaan Chini Timur, dimana ada 137 murid orang asli. Oleh itu, tiada keciciran berlaku.</p> <p>Jabatan Orang Asli, Pekan</p> <p>Untuk makluman, Yuran pelajar IPT, IPT Jaka juga menyediakan yuran, pengajian di awal semester hingga akhir, Namun tidak semua universiti.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Manakala, keciciran pelajar sebenarnya tidak berlaku tetapi "sifat malas" pelajar dan kurang kesedaran ibu bapa menjadi penghalang utama mereka tercicir dari sekolah.
Masalah vandalisme dan kekacauan	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Cina 	<ul style="list-style-type: none"> • Adanya segelintir pemandu motosikal atau anak muda sekitar kawasan perumahan mereka seringkali membuang atau melontar batu di rumah mereka. • Mangsa ramainya orang cina dan merupakan isu yang serius bagi mereka. • Banyak yang sudah rosak daripada perbuatan ini kata seorang responden. • Adakalanya batu tersebut mengenai cermin kereta yang merugikan kos sebanyak RM200 hingga RM500. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i>
Kekurangan kemudahan asas	<ul style="list-style-type: none"> • Perkampungan Orang Asli Patah Jelutong dan Durian Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Tekanan air yang disalurkan kepada kampung Durian Tunggal tidak kuat. Ini menyebabkan air tidak naik dengan cepat dan susah bagi komuniti ini untuk menggunakan kemudahan air. • Berdasarkan amatan tapak, kampung ini juga tidak mempunyai kemudahan elektrik, klinik, dan jalan yang teruk. 	<p>Jabatan Orang Asli, Pekan</p> <p>Pihak Jabatan Orang Asli memaklumkan agensi KPLB telah melaksanakan projek retikulasi air di batu gong dan Patah Jelutong dan progress kini adalah, dari segi design menurut konsultan paip yang dilantik.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Manakala, dari segi elektrik, kita telah hantar plan rumah, posisi rumah dan bilangan rumah untuk penilaian TNB pada tahun lepas, jadi kita menunggu TNB Kuantan untuk membuat costing untuk tindakan seterusnya.</p> <p>Bagi kemudahan Jalan di Patah Jelutong dan Durian Tunggal, JKR Pekan telah memasukkan kerja pengukuran dan kos peruntukan pada 2022 dan seterusnya akan dibawa ke peringkat negeri dan Persekutuan</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal, penjaja, Dara Chini & Felda Chini dan Pengkalan Medang Hulu 	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka menyatakan bahawa tiada langsung klinik yang berdekatan di kawasan Dara Chini dan mengambil masa 45 minit ke bandar Pekan • Selain itu, ketiadaan kemudahan bank di kawasan mereka. Jika ingin menggunakan kemudahan bank, mereka harus ke sebuah bank yang terletak di pekan dan memakan masa 1 jam. • Penduduk Kg. Pengkalan Medang Hulu, menyatakan bahawa ketiadaan dewan orang ramai adalah isu yang sering dibangkitkan. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> JPKK kampung pernah memohon dewan untuk kegunaan komuniti tempatan, namun hingga kini tiada maklum balas dari mana-mana agensi 	
Masalah komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> Kg. Pengkalan Medang Hulu 	<ul style="list-style-type: none"> Komuniti menyatakan bahawa selalunya tiada lebar di kampung mereka, ini sangat menjejaskan kehidupan mereka disitu dan juga anak muda yang hendak membuat perniagaan secara online. Mereka mengatakan bahawa untuk mendapatkan talian komunikasi mereka perlu keluar dari kampung mereka sepanjang 2 km 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i>
Kekurangan kemahiran dalam pemasaran secara digital	<ul style="list-style-type: none"> Ibu Tunggal, Dara Chini Ibu Tunggal, Dara Chini, Orang Asli Durian Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> Kebanyakan ibu tunggal kurang peka dan mahir dalam pemasaran digital. Ini kerana mereka dalam golongan wanita yang berumur dan mereka tidak begitu berpegalaman dalam menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian. Ini menyebabkan ramai di antara mereka yang terlibat dalam usahawan berskala kecil tidak mampu untuk mengembang perniagaan mereka, pasaran terhad dan 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Masalah sikap dan mentaliti ibu tunggal		<p>tidak dapat mempromosikan produk-produk IKS mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sikap kurang kesedaran dalam kalangan wanita atau ibu tunggal tentang kepentingan program kemahiran, pergaulan terbatas, malu dan lebih bersikap individu • Selain itu, kebanyakan golongan wanita tidak mahu mendaftar syarikat SSM kerana alasan sukar mendapat kerjasama dari agensi yang terlibat walaupun di bantu oleh persatuan ibu tunggal 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i></p>
Kesukaran mendapat bantuan pendidikan untuk pelajar IPTA		<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti ibu tunggal merayu bahawa mereka merasakan ini tidak adil kerana anak-anak mereka tidak mendapat pinjaman untuk menyambung belajar. • Mereka juga sukar untuk memahami prosedur pinjaman Pelajaran anak-anak kerana tiada taklimat secara terperinci 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i></p>
Keperluan rumah kediaman		<ul style="list-style-type: none"> • Tiada rumah kekal dan masih menyewa dengan sewa yang agak mahal • Sukar untuk mendapat PPRT • Masih menyewa rumah yang ditingalkan 	<p>Majlis Perbandaran Pekan</p> <p>Makluman dari wakil MPP, menyatakan pihak mereka ada menyediakan 6000 buah PPKB</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		oleh TNB di Dara Chini	<p>dan PPRT untuk penempatan. Maklumat ini disalurkan kepada penghulu mukim dihebahkan kepada komuniti tempatan setiap tahun</p> <p>Pejabat Tanah Dan Daerah Pekan:</p> <p>Dalam konteks penyediaan rumah kediaman PPRT untuk Orang Asli adalah di bawah JAKOA dan <i>Orang Asli Preparation</i>, Pahang yang bertanggungjawab untuk permohonan rumah, bina baru rumah, baik pulih rumah dan sebagainya</p>
Isu pemilikan tanah bagi Generasi ke-2 FELDA	FELDA Chini, JPKK, Dara Chini	<p>Isu ini menjadi isu yang paling serius kepada penduduk FELDA Chini. Mereka menyatakan bahawa hak milik tanah secara sah masih belum diselesaikan oleh kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ini menyebabkan anak-anak dan waris mereka tidak mendapat tanah yang sekian dijanjikan 	<p>Pejabat Tanah dan Daerah, Pekan</p> <p>Maklumbalas secara umum, menyatakan rumah-rumah boleh dibina di kawasan Felda yang mana masih kosong dan ini akan diuruskan oleh pihak FELDA</p>
Status tanah Orang Asli	Orang Asli Durian Tunggal,	Status tanah rezab milik orang asli masih belum dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan	Jabatan Orang Asli, Pekan

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
masih tidak jelas	Patah Jelutong	Kawasan rezab di bawah Hutan Simpan Negeri Perkampungan belum mendapat pengiktirafan sebagai perkampungan Orang Asli	Status Patah Jelutong adalah tanah kerajaan Negeri bersebelahan dengan Ladang LKPT dan ukuran kita mengutamakan kg induk iaitu Batu Gong, oleh itu, skg serpihan agak mengambil masa dan sebagainya. Begitu juga status Kg. Durian Tunggal masih dalam proses pewartaan dan pengukuran
ISU EKONOMI			
Kekurangan peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Belia, Kg. Pengkalan Medang • Orang Asli, FELDA Chini 	<ul style="list-style-type: none"> • Peluang pekerjaan di sekitar kawasan Kg. Tg medang hulu ini adalah amat terhad. kebanyakan peluang pekerjaan yang wujud adalah jauh dari kawasan kampung. • Hanya terdapat sebuah sahaja kilang di kawasan sekitar Felda Chini iaitu Kilang Kertas di Paloh Inai • Masalah sama bagi warga FELDA Chini yang terleatk jauh dari bandar 	<p>Jabatan Orang Asli, Pekan</p> <p>Dalam aspek peluang pekerjaan, pihak JAKOA ada memberi peluang dalam program PLMOA dan PSK (kerja ladang), kelas, kursus untuk diambil oleh agensi dan Syarikat contohnya pasaraya kolej dan MCDonlad. Jawatan kosong yang ditawarkan ianya dikongsi bersama Tok Batin kawasan masing-masing</p>
Kos sara hidup yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Petani, kg Bentan • Kg. Pengkalan Medang Hulu • Pulau Manis, Ibu Tunggal, 	<ul style="list-style-type: none"> • Kenaikan harga barangan tahun ini memang banyak menjejaskan kehidupan mereka contohnya beras, minyak masak dan keperluan dapur yang lain. • Kesemua harga barang kegunaan harian menaik harganya sekurang-kurangnya 50%. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Orang Asli Durian Tunggal, Patah Jelutong, komuniti Cina, JPKK, FELDA Chini, Peniaga	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber pendapatan tidak menentu terutama selepas PKP • Peniaga turut menyatakan barang yang dikategorikan tidak keperluan ditentukan oleh agensi kerajaan telah merugikan peniaga • Minyak yang tiada subsidi pula sangat mahal, menjadikan mereka rugi dari segi kos bahan mentah. 	
Kos input pertanian yang semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • Petani, kg Bentan • Kg. Pengkalan Medang Hulu • Pulau Manis 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga makanan ternakan/ kos pertanian yang semakin meningkat. • Peralatan pertanian yang agak mahal cth jaring dan pagar • Beberapa penternak/petani terpaksa tidak meneruskan aktiviti mereka kerana tidak mampu menampung kos yang mahal. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i>
Kekurangan bantuan keperluan pertanian		<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan pemantauan dari jabatan pertanian- Pulau Manis • Tiada jentera pembajak & sukar dipohon • Tiada kemudahan mesin air • Kurang bimbingan dalam bidang pertanian 	<p>Jabatan Pertanian Pekan</p> <p>Memaklumkan bahawa jentera bajak ni kita ada sebenarnya, kalau sesiapa lah, kalau di Pekan ni perlukan</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>khidmat bajak, boleh mohon dengan kita. Tapi kadar sewa adalah RM120 per ekar.</p>
<p>Persaingan pasaran dalam pertanian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Petani, Kg. Bentan • Kg. Pengkalan Medang Hulu • Pulau Manis 	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang permintaan di pasaran- sumber pertanian • Persaingan antara pasaran tempatan dan negeri lain • Tiada pusat pengumpulan hasil pertanian yang disediakan oleh FAMA 	<p>Jabatan FAMA</p> <p>Maklum balas menyatakan kebiasannya petani yang mengalami masalah adalah petani yang menjalankan aktiviti secara kecil-kecilan. Mereka perlu aktiflah secara online, dan sosial media yang lain. Namun berbeza bagi mereka yang berdaftar dengan pihak FAMA akan terus dibantu kerana ada dalam kalangan mereka terikat dengan ladang kontrak (memenuhi syarat) yang ditetapkan</p>
<p>Perubahan iklim</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Petani, Kg Bentan • Kg. Pengkalan Medang Hulu • Pulau Manis 	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko perubahan iklim yang tidak menentu cth- hujan & cuaca panas • Ramai petani terpaksa mengalami kerugian 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i></p>
<p>Masalah pemilikan geran tanah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Petani, Kg Bentan • Kg. Pengkalan Medang Hulu 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah pemilikan geran kerana terdapat banyak nama dalam satu geran (tanah pusaka) • Tiada permohonan pecahan lot tanah oleh pewaris menyebabkan ada pewaris yang 	<p>Pejabat Tanah dan Daerah, Pekan</p> <p>Bagi melibatkan tanah pusaka, pemohon perlu membuat satu permohonan pecahan lot kawasan kepada pejabat tanah dan tindakan</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Manis 	<p>sukar mendapat bantuan dari mana-mana agensi</p>	<p>selanjutnya akan dibuat semakan bersama waris yang terlibat</p>
<p>Prosedur permohonan geran Agropreneur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Syarat mohon geran Agropreneur perlu mempunyai geran tanah • Kebanyakan golongan belia yang mohon tiada geran tanah dan antara punca kertas kerja mereka ditolak • Pihak RISDA pernah turun ke peringkat kampung pada bulan Disember 2023 untuk menguarkn tentang inisiatif kerajaan tetapi hanya mereka yang mempunyai tanah sahaja yang layak memohon. • Justeru itu, niat golongan belia untuk menjalankan pertanian terbatas 	<p>Jabatan Pertanian, Pekan</p> <p>Maklum balas menyatakan geran permohonan Agropreneur, syarat utama adalah memiliki tanah secara sah, namun untuk fasa 2, golongan muda boleh memohon walau pun tanah itu adalah tanah sewa</p>
<p>Ketidaksefahaman antara pegawai pertanian dan petani</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Manis 	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka menyatakan bahawa pegawai daripada agensi pertanian tidak membuat pemantauan pertanian dikawasan mereka. • Malah, apa sahaja maklumat yang keluar berkaitan dengan bantuan dan taklimat pertanian daripada agensi agensi terlibat tidak sampai kepada pihak mereka • Ini menyebabkan mereka tercicir dari segala bentuk bantuan 	<p>Jabatan Pertanian, Pekan</p> <p>Memaklumkan pihak mereka ada membuat pemantauan di kawasan Pulau Manis dan setiap tahun akan dimaklum sebarang maklumat menerusi penghulu mukim, sosial media seperti facebook tentang peruntukan dan sebagainya</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kesukaran mendapat bantuan JKM	<ul style="list-style-type: none"> Ibu Tunggal, Dara Chini 	<ul style="list-style-type: none"> Ibu tunggal sukar untuk memahami prosedur permohonan bantuan. Berlaku diskriminasi dalam kalangan pemohon Bantuan yang sedia ada oleh JKM tidak langsung mencukupi untuk menampung keperluan dalam hidup mereka terutama dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> <p>Maklum balas pihak JKM menyatakan, tiada ada bantuan kursus untuk ibu tunggal tetapi ada skim bantuan kepada kanak-kanak contohnya bantuan kanak-kanak minimum adalah Rm50, maksimum adalah Rm1000.</p> <p>Manakala kelulusan bantuan berdasarkan pendapat PDK, iaitu PDK standard yang kita ambil adalah RM1198, jika pemohon cukup syarat, pihak JKM akan lulus bantuan tanpa diskriminasi.</p> <p>Bagi isu keciciran, pemohon boleh terus kepada pemimpin setempat atau terus dengan pihak JKM untuk proses permohonan tersebut</p>
Penurunan harga kelapa sawit	<ul style="list-style-type: none"> FELDA Chini, Ibu Tunggal, JPKK Dara Chini 	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan bulanan yang diterima tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga. Anggaran pendapatan bulanan RM1K-2K sebulan, kerana penurunan harga sawit negara 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan kerana pihak FELDA tidak menghadiri sesi mesyuarat tersebut</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Kini, harga sawit adalah RM600/tan. Jika sebelum PKP boleh mencecah RM1000/tan. • Kos menguruskan kelapa sawit adalah tinggi tetapi pulungannya sangat rendah <p>Sumber pendapatan terjejas</p>	
Kesukaran mendapat permit untuk mengutip hasil hutan	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli Durian Tunggal & Patah Jelutong 	<p>Punca pendapatan dari kutipan hasil hutan seperti rotan dan herba tidak dapat dilakukan lagi kerana permasalahan permit.</p> <p>Berbeza pada tahun sebelumnya seperti rotan untuk dijual ke pasaran dan menjadi punca pendapatan utama kebanyakan orang asli di KOA Durian Tunggal dan Patah Jelutong</p> <ul style="list-style-type: none"> • Namun kini, permit yang diperlukan menyebabkan hasil hutan untuk tidak dapat dijual mahupun dicari oleh orang asli. Ini menyebabkan kekurangan punca pendapatan bagi orang asli 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i></p> <p><i>Nota: Kebenaran Permit adalah dibawah penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri</i></p>
Pencerobohan asing di kawasan Orang Asli	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli Durian Tunggal, 	<p>Isu pencerobohan Syarikat asing ke kawasan mereka untuk aktiviti pembalakan.</p> <p>Keadaan ini menyebabkan sumber pendapatan mereka terjejas</p> <p>Mereka juga turut menyatakan terdapat</p>	<p>Pejabat Tanah dan Daerah, Pekan</p> <p>Maklum balas dari Pejabat Tanah dan Daerah, Pekan menyatakan, isu pencerobohan terhadap tanah adat adalah melibatkan orang</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>orang daripada luar masuk ke kawasan mereka untuk mengambil tanah yang dirizabkan kepada mereka.</p> <p>Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan mereka terutama waris masa depan</p>	<p>luar setakat ni tak ada laporan lah dari wakil orang asli di Durian sebatang</p>
<p>Produk Orang Asli sukar dipasarkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli Durian Tunggal 	<p>Memiliki nilai produk hutan -bakul,rotan & puzzle namun sukar dipromosikan kerana tiada tempat untuk dipasarkan</p> <p>Belum mendapat sokongan dari pihak JAKOA daerah tentang produk Orang Asli</p>	<p>Jabatan Orang Asli, Pekan</p> <p>Jabatan JAKOA memaklumkan, pusat pemasaran produk kraftangan dari orang asli, di Pekan adalah terletak di di simpang Chini. Mereka boleh mengumpul hasil kraftangan dari pelbagai koleksi ukiran kayu dan sebagainya.</p>
ISU ALAM SEKITAR			
<p>Sistem Perparitan dan longkang yang tidak teratur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Cina, Pulau Manis, Dara Chini 	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Cina tempatan memaklumkan bahawa pembangunan yang mengambil masa yang lama dan pembuangan sampah di kawasan sungai menyebabkan saluran perparitan di kawasan itu tidak dapat mengalir dengan baik. • Penduduk orang asli Durian Tunggal turut memaklumkan, tiada saluran yang baik di 	<p>Jabatan JPS, Pekan</p> <p>Memaklumkan pihak JPS ada melaksanakan <i>maintenance</i> sungai Rasau setiap 2 kali setahun di Pulau Manis untuk mempercepatkan sistem saluran termasuk perparitan</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>kawasan mereka menyebabkan sering berlaku banjir kilat</p>	<p>Majlis Perbandaran Kuantan</p> <p>Bagi makluman, pihak MPP berhubung di Dara Chini dan komuniti cina, bandar pekan telah menyediakan longkang sepanjang 3 meter dan pihak JPS turut membantu untuk selesaikan isu di kawasan tersebut.</p>
<p>Isu banjir & banjir kilat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Manis, Pengkalan Medang Hulu, Dara Chini 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah cuaca yang sangat kritikal dan seringkali tidak menentu menyebabkan bencana alam kerap berlaku contohnya banjir. • Sungai Pahang yang melimpah menyebabkan hakisan tanah yang besar berlaku. Ini sangat membahayakan penduduk tersebut. • Selain itu, kesan banjir menyebabkan mereka hilang pendapatan • Masalah banjir bukan sahaja berlaku kerana masalah sistem perparitan tetapi kerana sampah-sarap dan telah lama penyelenggaraan tidak dijalankan • Tiada tebatan banjir & pembersihan sungai dilaksanakan- Sg Rasau – ke Sg. Pahang. 	<p>Jabatan JPS, Pekan</p> <p>Maklum balas pihak JPS, tiada ada projek tebatan banjir, pembersihan sungai di Sungai Rasau, namun di peringkat jabatan ada melaksanakan <i>maintenance</i> sungai Rasau setiap 2 kali setahun untuk mempercepatkan sistem saliran termasuk perparitan dan mengurangkan masalah banjir.</p> <p>Manakala, isu limpahan sungai Pahang, dua projek besar, iaitu RTB Pekan, fasa ii, di kawasan Permai dan ini dapat mengurangkan masalah banjir dan sungai yang cetek di Kg Tanjung Bedak.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Banjir kilat di kawasan perumahan TNB berhampiran Dara Chini kerana merupakan kawasan tanah rendah dan longkang yang kecil (hujan berlarutan 2-3 jam) • Ada gangguan air dan kadang kala air manjadi keruh (faktor banjir kilat) 	<p>Jabatan JPS</p> <p>Maklum balas pihak JPS berhubung dengan banjir di kawasan perumahan TNB, di peringkat jabatan telah memohon peruntukan untuk menyediakan RTB namun perlu diteliti kerana kawasan tersebut adalah rendah dan sistem saliran di kawasan sekitar telah diambil tindakan.</p>
Tiada penyelarasan agihan bantuan banjir	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Banjir-Pulau Manis 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat penduduk yang yang terkesan tidak mendapat apa-apa bantuan dari segi wang. • Ada dalam kalangan penduduk yang mengalami kerosakan harta benda namun tidak diambil kira sebagai layak untuk mendapat bantuan wang • Selain itu, bantuan makanan tidak mencukupi untuk satu ketua isi rumah. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Pencemaran air	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Pengkalan Medang Hulu 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran air ini dari segi sisa kayu balak yang dibuang ke sungai apabila berlakunya pembalakan berdekatan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan</i>

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: CABARAN SOSIOEKONOMI PETANI

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan modal 2. Kurang pendedahan terhadap pemasaran digital 3. Kenaikan kos sara hidup 4. Kos input pertanian yang semakin meningkat 5. Perubahan iklim 6. Kekurangan tenaga kerja -golongan muda 7. Ancaman binatang perosak 8. Persaingan di pasaran 9. Tiada pusat pengumpulan untuk hasil pertanian
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membuka ruang dan pasaran kepada petani di kampung 2. Memerlukan perancangan yang terancang dan teliti dalam pembagunan yang melibatkan zon kawasan 3. Meningkatkan kemahiran TVET dalam bidang pertanian untuk menarik tenaga muda 4. Menyediakan pusat pengumpulan hasil pertanian oleh FAMA
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> ● Petani
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kg Bentan ● Tanjung Medang Hulu Dun Peramu Jaya, Bebar dan Chini di Pekan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.	Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan

	<p>Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p>
Matlamat 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	<p>Sasaran 8.1: Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun</p> <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p> <p>Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p>
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	<p>Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses saksama dan mampu milik untuk semua</p> <p>Sasaran 9.4: Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan menaik taraf industri untuk menjadikannya mampan, dengan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing</p>
Matlamat 17 : Perkongsian untuk maklumat	<p>Sasaran 17.3: Menggerakkan sumber kewangan tambahan bagi negara membangun daripada pelbagai sumber</p> <p>Sasaran 17.16: Meningkatkan Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan yang dilengkapi oleh</p>

	perkongsian pelbagai pihak berkepentingan yang menggerakkan dan berkongsi pengetahuan, kepakaran, teknologi dan sumber kewangan, untuk menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan di semua negara, khususnya negara membangun
--	---

PENGUTAMAAN ISU 2: KEPERLUAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI ORANG ASLI PATAH JELUTONG & DURIAN TUNGGAL

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan penglibatan Orang asli dalam kemahiran dan pendidikan 2. Keciciran dalam pendidikan- Patah Jelutong 3. Kekurangan peluang pekerjaan & pendapatan terjejas 4. Masalah status tanah 5. Tiada bekalan air dan eletrik 6. Pencerobohan orang luar ke atas tanah adat 7. Gagal memohon PPRT
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan program kesedaran kepada penduduk mengenai kepentingan pendidikan 2. Keperluan menyediakan kemudahan asas seperti air, eletrik dan jalan 3. Penguatkuasaan terhadap pencerobohan haram atau asing ke atas tanah adat orang asli
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Orang Asli Durian Sebatang • Kampung Patah Jelutong • Bebar dan Chini, di Pekan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional

	<p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p>
Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik.	<p>Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan</p>
Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.	<p>Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan</p> <p>Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p>
Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan.	<p>Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain</p>
Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.	<p>Sasaran 16.a Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah</p>
Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.	<p>Sasaran 17.9: Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang</p>

	<p>berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama</p> <p>Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan</p>
--	---

PENGUTAMAAN ISU 3: CABARAN SOSIOEKONOMI IBU TUNGGAL

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sukar untuk mendapat bantuan JKM 2. Sukar mendapat kerjasama dari pihak JKM 3. Tidak memahami prosedur permohonan bantuan 4. Isu peluang pekerjaan dan pendapatan terjejas 5. Kurang motivasi (kalangan ibu tunggal muda) 6. Kurang pendedahan dalam pemasaran digital 7. Kos sara hidup yang tinggi 8. Memiliki rumah kediaman yang uzur dan masih menyewa 9. kekurangan modal –aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan program pemasaran digital kepada golongan ibu tunggal 2. Kerjasama pihak JKM, penduduk, ketua kampung untuk mengelak keciciran bantuan JKM & prosedur memohon 3. Menjalankan kursus motivasi dan kauseling kepada ibu tunggal muda
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> ● Ibu Tunggal
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> ● Dara Chini ● Dun Chini, Pekan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan

<p>Matlamat 1: Tiada Kemiskinan</p>	<p>Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional.</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030.</p>
<p>Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.</p>	<p>Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.</p> <p>Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.</p>
<p>Matlamat 8: Pekerjaan Yang Baik & Pertumbuhan Ekonomi</p>	<p>Sasaran 8.1: Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun.</p> <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz</p>

	<p>mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p> <p>Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.</p>
Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan.	<p>Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.</p>
Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.	<p>Sasaran 16.a Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah.</p>
Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.	<p>Sasaran 17.9: Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama.</p> <p>Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.</p>

PENGUTAMAAN ISU 4: ANCAMAN BANJIR DI PULAU MANIS

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Isu perubahan iklim dan banjir 2. Masalah perparitan, longkang dan hakisan 3. Gangguan dari hidupan liar 4. Masalah kecurian dan aktiviti sosial 5. Hilang sumber pendapatan 6. Longgokan sampah berlaku 7. Kerosakan jalan raya 8. Tiada tebatan banjir dibina
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan pembersihan sungai dan perparitan 2. Perkongsian maklumat tentang kawalan banjir bersama penduduk yang terlibat
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> ● Mangsa Banjir & B40
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pulau Manis ● Dun Pulau Manis, Pekan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik.	Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan.
Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan.	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
Matlamat 13: Perubahan Iklim, Dasar, Strategi & Pelan Negara	Sasaran 13.b: Menggalakkan mekanisme untuk meningkatkan keupayaan bagi perancangan dan pengurusan berkaitan perubahan iklim yang berkesan di negara kurang membangun dan negara pulau kecil membangun, termasuk tumpuan pada wanita, belia, masyarakat tempatan dan golongan terpinggir.
Matlamat 15: Kehidupan Darat	Sasaran 15.2: Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan mampan bagi semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang mengalami kemerosotan dan meningkatkan

	<p>dengan ketara penghutanan dan penghutanan semula secara global.</p> <p>Sasaran 15.3: Menjelang 2030, mencegah penggurunan, memulihkan tanah-tanah yang mengalami kemerosotan, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir, dan berusaha untuk mencapai dunia tanpa kemerosotan tanah.</p>
<p>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.</p>	<p>Sasaran 16.a Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah.</p>
<p>Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.</p>	<p>Sasaran 17.9: Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama.</p> <p>Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan</p>

BAHAGIAN EMPAT

LAPORAN P.087 KUALA KRAU (PAHANG)



BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU P.087 KUALA KRAU (PAHANG)

11-13 Januari 2024 (Khamis - Sabtu)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

- 1: Sesi Dialog bersama Generasi Kedua Felda Jengka 19 & Usahawan Kecil Felda Jengka 19
- 2: Sesi Dialog bersama Usahawan Ibu Tunggal Felda Jengka 16, 17 dan 18 & Usahawan Generasi Kedua Pemuda dan Wanita Felda Jengka 15 & 20
- 3: Sesi Dialog bersama Enjaja Kecil Nadi Kota, Usahawan Muda Jengka & Ibu Tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU)

HARI 2

- 4: Sesi Dialog bersama Ahli Persatuan Khairat Kematian, Usahawan Muda & Usahawan Ibu Tunggal
- 5: Sesi Dialog bersama Komuniti India
- 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asal (Kampung Penderas)

HARI 3

- 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Penduduk Kg. Paya Sok

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Thanaraj
(Ketua Penyelidik)



Paniir



Afiqah



Athirah

Dengan sokongan
daripada
Ahli Parlimen
Kuala Krau,
YB Tuan Kamal
Bin Ashaari

**14 November 2023**

Mesyuarat Awal bersama YB Tuan Kamal Bin Ashaari (Ahli Parlimen Kuala Krau) di Parlimen Malaysia.

**27 November 2023**

Dr Siti Nur Ain mengadakan mesyuarat profil bersama wakil YB Kuala Krau, Dr. Mohd Notfi, En. Abu Anas, En. Aziz, dan Haji Sharuddin.

**12 Januari 2024**

Dr Thanaraj telah menghadiri mesyuarat bersama pegawai-pegawai pejabat Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh untuk memberi pengenalan tentang APPGM-SDG, dan tujuan pihak APPGM-SDG membuat lawatan pemetaan isu ke Parlimen Kuala Krau. Pihak KADO bersetuju melakukan inter-agensi untuk Kuala Krau pada bulan Mac 2024.



1: Sesi Dialog bersama Generasi Kedua Felda Jengka 19 & Usahawan Kecil Felda Jengka 19

FGD 1: Sesi dialog bersama Generasi Kedua Felda Jengka 19 & Usahawan Kecil Felda Jengka 19 telah diadakan di Kedai Koperasi Simpang Felda Jengka 19. Seramai 14 orang penduduk Felda Jengka 19 telah hadir.

Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah:-

- Kekurangan stok barang bahan mentah, penduduk perlu pergi ke pekan untuk membeli barang.
- Generasi kedua menghadapi masalah sukar untuk membuat loan kerana pendapatan tetap.
- Isu berkaitan dadah.
- Isu dasar polisi felda, kekangan rumah bagi generasi kedua felda.
- Isu demam denggi.

FGD 2: Usahawan Kecil Felda Jengka 1 Usahawan Kecil Felda Jengka 199

Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah:-

- Isu harga dan stok bahan mentah.
- Kuasa membeli rendah.
- Isu pendatang asing.
- Isu petempatan - tiada tempat untuk sewa rumah.



2: Sesi Dialog bersama Usahawan Ibu Tunggal Felda Jengka 16, 17 dan 18 & Usahawan Generasi Kedua Pemuda dan Wanita Felda Jengka 15 & 20

FGD 3: Sesi Dialog bersama Usahawan Ibu Tunggal Felda Jengka 16, 17 dan 18 & Usahawan Generasi Kedua Pemuda dan Wanita Felda Jengka 15 & 20 telah diadakan di Balai Raya Lama Felda Jengka 18. Seramai 24 orang penduduk Felda Jengka 15, 16, 17, 18 dan 20 telah hadir.

Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah:-

- Tiada tempat untuk menyewa & tapak berniaga
- Bantuan untuk beli mesin pembuatan tepung.
- Tak tahu nak minta kat mana bantuan (korang informasi)
- Bebanan sebagai ketua isi rumah
- Isu pengangkutan - ibu tunggal perlu meminta tolong saudara mara untuk bergerak ke destinasi

FGD 4: Usahawan Kecil Felda Jengka 19

Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah:-

- Isu harga dan stok bahan mentah
- Kuasa membeli rendah
- Isu dadah
- Isu bantuan daripada kerajaan
- Isu penternakan (harga makanan haiwan & haiwan) - kos penternakan melebihi kos jualan - peraih membeli ternakan dengan harga yang rendah
- Kos persekolahan tinggi
- Pendapatan tak tetap - tak dapat menyimpan
- Ketiadaan latihan penternakan bagi program penternakan felda menyebabkan kerugian



3: Sesi Dialog bersama Enjaja Kecil Nadi Kota, Usahawan Muda Jengka & Ibu Tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU)

FGD 5 & 6: Sesi Dialog bersama Enjaja Kecil Nadi Kota, Usahawan Muda Jengka & Ibu Tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU) telah diadakan di Arkid Mara (Gerai Roti Canai Gebu). Seramai 17 orang telah hadir.

Isu yang dibangkitkan ialah permohonan tanah pertanian ditolak, sekolah tahfiz perlukan pendidikan tvet untuk kanak-kanak tahfiz yang mempunyai cabaran pendidikan.

FGD 7: Ibu Tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU)

Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah Kesedaran tentang golongan OKU rendah, Stigma masyarakat terhadap OKU dan ketirisan maklumat berkenaan kemudahan, bantuan bagi golongan oku.



4: Sesi Dialog bersama Ahli Persatuan Khairat Kematian, Usahawan Muda & Usahawan Ibu Tunggal

FGD 8, 9 & 10: Seramai 12 orang peserta dari kelompok berikut telah hadir ke sesi yang diadakan di Darul Hikmah Kerdau dan antara isu yang diketengahkan adalah isu dadah, kos sara hidup yang tinggi, tapak kedai, persatuan yang tidak aktif, permintaan terhadap kursus pembuatan makanan, masalah pengangkutan, isu penternak & kontraktor perumahan (open market), sistem subsidi tidak diberikan kepada penternak kecil sebaliknya penternak besar, pengurusan zakat dan bantuan kewangan kepada usahawan.



5: Sesi Dialog bersama Komuniti India

FGD 11 : Seramai 4 orang peserta dari kelompok berikut telah hadir ke sesi yang diadakan dan antara isu yang diketengahkan adalah isu kos sara hidup yang tinggi, Isu pemilikan tanah & rumah.



6: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asal (Kampung Penderas)

FGD 12 : Seramai 4 orang peserta daripada dua buah kampung (Kg. Penderas & Kg. Terbol) dari kelompok berikut telah hadir ke sesi yang diadakan dan antara isu yang diketengahkan adalah isu perhubungan ketika waktu banjir (kerap berlaku), pendapatan tidak tetap, isu infrastruktur & utiliti, isu tempat tinggal, kurang promosi eko tourism dan isu bekalan air bersih, kurang kemudahan awam.



7: Sesi Dialog bersama Komuniti Penduduk Kg. Paya Sok


FGD 13: Isu yang diketengahkan adalah isu perhubungan (jalan raya), Isu infrastruktur & utiliti, isu bekalan air, isu proses pemilikan geran tanah, isu dadah & ketum dan isu banjir.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.087 KUALA KRAU (PAHANG)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Kuala Krau ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Kamal bin Ashaari dari parti Perikatan Nasional.</i></p>		 <p>YB Tuan Kamal bin Ashaari</p>																									
Parlimen	P 087																										
Kawasan	Kuala Krau																										
Negeri	Pahang																										
Jumlah penduduk	<p>68,047 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>66005</td> <td>97.0</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>953</td> <td>1.4</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>953</td> <td>1.4</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain-lain</td> <td>136</td> <td>0.2</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>68,047</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Pusat Khidmat Parlimen Kuala Krau, 2024.</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	66005	97.0	2.	Cina	953	1.4	3.	India	953	1.4	4.	Lain-lain	136	0.2	JUMLAH KESELURUHAN		68,047	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	66005	97.0																								
2.	Cina	953	1.4																								
3.	India	953	1.4																								
4.	Lain-lain	136	0.2																								
JUMLAH KESELURUHAN		68,047	100.00																								
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Industri perladangan: Pesawit 																										
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr Thanaraj Murudi: Ketua Penyelidik 2. En Pannirselvam Jayaraman: Pembantu Penyelidik 3. Cik Nik Athirah Abdul Ghani: Pembantu Penyelidik 4. Cik Afiqah Abdul Malik: Pembantu Penyelidik 																										

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 7 FGD telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Kuala Krau. Dialog antara agensi masih belum dilaksanakan buat masa ini.

TARIKH	PERKARA
11 Januari 2024, (Khamis)	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Generasi Kedua Felda Jengka 19 & Usahawan Kecil Felda Jengka 19• Sesi Dialog bersama Usahawan Ibu Tunggal Felda Jengka 16, 17 dan 18 & Usahawan Generasi Kedua Pemuda dan Wanita Felda Jengka 15 & 20• Sesi Dialog bersama Penjaja Kecil Nadi Kota, Usahawan Muda Jengka & Ibu Tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU)
12 Januari 2024, (Jumaat)	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Ahli Persatuan Khairat Kematian, Usahawan Muda & Usahawan Ibu Tunggal• Sesi Dialog bersama Komuniti India• Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asal (Kampung Penderas)
13 Januari 2024, (Sabtu)	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Komuniti Penduduk Kg. Paya Sok

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
ISU SOSIAL		
Limitasi tempat untuk menyewa rumah dan tapak perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Generasi Kedua Felda Jengka 19 ● Usahawan Kecil Felda Jengka 19 	<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada tapak untuk menyewa kedai dan tiada rumah kosong untuk disewa sebagai tempat tinggal. ● Usahawan hanya menumpang untuk tinggal di rumah ibu bapa dan mula mendapat tekanan untuk berniaga di rumah terbabit. Usaha mencari rumah sewa baru yang juga boleh dijadikan tapak berniaga baru turut dilakukan tetapi tiada rumah yang boleh disewakan. ● Apabila usahawan menjual di hadapan rumah, keadaan jalan menjadi teruk kerana kekerapan kenderaan berat seperti lori ais untuk berhenti menghantar stok di hadapan rumah.
Tiada pondok berbumbung untuk menunggu bas	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Terbol 	<ul style="list-style-type: none"> ● Semasa hujan, pelajar terpaksa berteduh di bawah rumah dan sering terlepas bas untuk ke sekolah. ● Jarak antara rumah dan pintu pagar yang jauh menyebabkan pelajar sering tertinggal bas apabila mahu meneduhkan diri daripada hujan.
Ketiadaan mesin dan teknologi untuk meningkatkan mutu perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Usahawan Kecil Felda Jengka 16 	<ul style="list-style-type: none"> ● Memerlukan bantuan untuk membeli mesin membuat tepung daripada beras. ● Mesin mudah rosak, sentiasa memerlukan pembaikan dan tidak boleh lagi digunakan secara efisien.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
<p>Peningkatan jumlah warga asing</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Generasi Kedua Felda Jengka 19 ● Usahawan Kecil Felda Jengka 19 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kerisauan penduduk terhadap jumlah warga asing yang semakin ramai. ● Warga asing yang dikenalpasti adalah Indonesia, Bangladesh, Myanmar dan Rohingnya. ● Kerisauan penduduk hanya kepada warga asing Rohingnya yang dilihat berpindah disini bersama dengan keluarga. ● Terdapat warga asing yang diambil bekerja sebagai kontrak buruh dan menetap di sini yang menimbulkan kerisauan penduduk. ● Sesetengah warga asing ini (dipercayai warga Rohingnya) menetap disini bersama dengan ahli keluarga mereka. Warga asing ini kerap kali dilihat melahirkan anak secara sendiri (tidak ke klinik) dan menuntut pihak klinik untuk diberikan sijil kelahiran Malaysia. ● Selain itu, mereka juga bertindak melampaui batas dengan tidak mahu membayar rumah sewa dan penyewa bertindak menghalau mereka untuk mencari rumah yang lain. ● Warga asing ini juga sering dilihat melakukan rondaan setiap petang di kawasan felda mereka sehingga menimbulkan rasa tidak senang dalam hati penduduk disini. ● Aduan telah dilakukan kepada JKK Felda dan tindakan telah diambil. Pihak JKK telah berjumpa dengan pengurus ladang terbabit dan menyatakan kerunsingan penduduk. Warga asing ini sudah tidak dibenarkan untuk menetap di Felda 19.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Bergantung kepada orang lain untuk mendapatkan kenderaan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Peneroka Felda Jengka 16 ● Peneroka Felda Jengka 18 	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketiadaan lesen dan kenderaan menyukarkan pergerakan serta memaksa untuk bergantung kepada orang lain. ● Kebanyakan ibu tunggal ini tidak mempunyai lesen untuk membawa kenderaan dan mengharapkan bantuan orang untuk membawa mereka pergi membeli barang perniagaan.
Tekanan menjadi ahli keluarga kepada individu OKU.	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk Bandar Pusat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Ahli keluarga yang bertanggungjawab menjaga OKU merasa tertekan. ● Disebabkan keperluan untuk memberi perhatian khusus kepada individu OKU, terdapat ahli keluarga yang sanggup berkorban, seperti menghentikan pengajian dan mengurangkan masa bersosial dengan rakan-rakan, demi menjaga ibunya yang OKU fizikal serta adiknya yang menghidap autisme. ● Individu tersebut juga tidak dapat mencari pekerjaan untuk menyara keluarga kerana perlu memberikan perhatian sepenuhnya kepada ahli keluarga OKU di rumah. ● Keluarganya hanya bergantung kepada bantuan zakat, JKM, dan biasiswa penuh yang diterima oleh adiknya. ● Meskipun menerima bantuan kewangan, ada kalanya ia masih tidak mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan harian.
Tiada pendedahan tentang OKU	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk Jengka 12 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kategori-kategori OKU dan masa depan mereka.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kumpulan Persatuan Ibu Tunggal tidak aktif	<ul style="list-style-type: none"> Ibu Tunggal Jenderak Utara 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada maklum balas selepas mendaftar sebagai ahli persatuan Rungutan diterima bahawa ibu-ibu tunggal tidak menerima apa-apa maklum balas seperti program/ bantuan/ insentif yang diadakan/ dihulurkan khas untuk ibu tunggal selepas mendaftar sebagai ahli.
Peluang pekerjaan yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk setempat Kuala Krau 	<ul style="list-style-type: none"> Peluang pekerjaan kebanyakannya berada di pekan yang jauh daripada kawasan Felda.
Kawasan kerap kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Selekoh antara Jalan Jenderak Utara ke Kuala Krau 	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat selekoh yang berbahaya antara Jenderak Utara dan Jenderak Selatan yang sering berlaku kemalangan, termasuklah kemalangan maut. Dikatakan bahawa adanya dahan kelapa sawit yang menyebabkan pemandu tidak nampak selekoh terbabit sehingga menyebabkan kenderaan ada masuk ke dalam lorong kenderaan bertentangan. Kawasan selekoh yang berbahaya yang selalu berlaku kemalangan. Selekoh antara Jalan Jenderak Utara ke Kuala Krau, berdekatan dengan pondok polis bantuan.
Gangguan bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> Kampung Terbol 	<ul style="list-style-type: none"> Bekalan air selalu tiada di kampung. Bekalan air sering tiada di kampung dipercayai kerana hanya ada satu tangki yang digunakan untuk dua buah kampung (bersama Kampung Pian). Namun penduduk kampung Terbol mengambil alternatif dengan membuat saluran air bukit sendiri untuk bekalan di rumah.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kurang kemudahan sukan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Terbol 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk kampung memiliki padang bola tetapi kelengkapan peralatan sukan tiada. ● Menghadapi kesukaran untuk mengadakan acara sukan. ● Kemudahan sukan adalah sedikit.
Lampu jalan raya tidak diselenggara	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Terbol 	<ul style="list-style-type: none"> ● Terdapat lampu jalan raya tidak diselenggara dengan baik.
Sokongan aktiviti eko-pelancongan yang terbatas	<ul style="list-style-type: none"> ● Kawasan Kuala Krau 	<ul style="list-style-type: none"> ● Aktiviti eko-pelancongan memerlukan banyak peralatan untuk menjayakan aktiviti yang dilakukan. ● Penduduk kampung membuat pendapatan sampingan dengan mewujudkan ekotourism seperti pendakian Gunung Benom, aktiviti sungai di Sungai Terboi dan perkhemahan. ● Namun, peralatan untuk aktiviti ini masih tiada dan tidak dapat menyediakan kemudahan itu kepada pelancong. ● Memohon agar diberikan bantuan berikut untuk penambahakan industri ini.
Jalan perhubungan yang terbatas	<ul style="list-style-type: none"> ● Titik 156.25 di laluan kereta api, Kampung Paya Sok 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jalan kereta api yang menjadi jalan pintas untuk keluar daripada kampung namun terbatas hanya untuk kenderaan kecil seperti motorsikal, basikal dan pejalan kaki sahaja. ● Penduduk di kawasan ini sering menggunakan laluan kereta api sebagai jalan pintas untuk keluar dari kampung kerana jaraknya lebih dekat berbanding laluan utama sejauh 14 km.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> ● Namun, laluan tersebut tidak mendapat kelulusan daripada pihak KTMB atas faktor keselamatan. Laluan ini hanya boleh digunakan oleh kenderaan kecil seperti motosikal dan basikal, serta pejalan kaki. ● Pihak kampung telah berusaha memperbesar jalan tersebut supaya dapat dilalui oleh kenderaan besar, tetapi KTMB bertindak tegas dengan memasang besi penghalang dan membina longkang untuk mencegah penggunaan laluan itu oleh kenderaan besar. ● Perbuatan ini telah memberikan cabaran kepada penduduk kampung untuk melalui jalan tersebut terutamanya apabila berlaku kes kecemasan dan perlu segera mendapatkan rawatan di hospital. Masa dapat diijimatkan dengan banyak sekiranya jalan ini dapat dilalui kenderaan. ● 10% daripada penduduk disini bekerja di luar kawasan kampung dan terpaksa berbelanja lebih untuk minyak kerana melalui jalan yang jauh sedia ada. Sedangkan penduduk kampung ini dapat berjimat banyak apabila melalui jalan pintas ini. ● Begitu juga peneroka kelapa sawit dan getah yang perlu menjual hasil pertanian mereka juga merasa terbeban dengan kos perjalanan yang jauh.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat juga penduduk kampung yang mengusung jenazah melalui jalan sempit ini kerana tanah perkuburan hanya terdapat di kampung sebelah. • Penduduk juga perlu melalui laluan ini untuk pergi ke sekolah rendah dan menengah yang terdapat di kampung lain kerana lebih dekat dan menjimatkan masa.
ISU EKONOMI		
Tidak dapat mengurus kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Generasi Kedua Felda Jenka 19 • Usahawan Kecil Felda Jenka 19 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada wang yang dapat disimpan, malah simpanan yang ada terpaksa digunakan pada masa ini. • Jualan perniagaan menjadi perlahan dengan masalah persaingan antara peniaga, kos bahan mentah yang mahal dan hutang bersama pelanggan. Hasil perniagaan yang diperolehi hanya mampu untuk menampung perbelanjaan harian. • Usahawan juga perlu membayar loan perniagaan secara mingguan dan kos perbelanjaan sekolah anak-anak sehingga terpaksa menggunakan simpanan kewangan sedia ada yang dimiliki.
Pelanggan berhutang dengan peniaga	<ul style="list-style-type: none"> • Generasi Kedua Felda Jenka 19 • Usahawan Kecil Felda Jenka 19 	<ul style="list-style-type: none"> • Hutang tidak dapat dituntut oleh peniaga kerana kemiskinan • Terdapat pelanggan yang membeli secara berhutang atas kekangan kewangan. Usahawan juga menjadi berat hati untuk menuntut hutang daripada pelanggan walaupun tiada keuntungan perniagaan yang diperolehi.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> ● Pendapatan yang diperolehi oleh penduduk Jengka 19 adalah sedikit, namun kos sara hidup yang meningkat telah menyebabkan penduduk tidak lagi mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk memenuhi keperluan harian. ● Golongan usahawan menjadi terancam kerana permintaan terhadap barangan meningkat tetapi pelanggan tidak dapat membayar dan meminta hutang.
<p>Persaingan dalam perniagaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Generasi Kedua Felda Jengka 19 ● Usahawan Kecil Felda Jengka 19 	<ul style="list-style-type: none"> ● Wujudnya persaingan dalam perniagaan yang menyebabkan usahawan tidak dapat mengutip keuntungan bahkan tiada pemulangan modal. ● Disebabkan oleh peluang pekerjaan yang terhad, penduduk mula mengambil inisiatif untuk mencari pendapatan dengan berniaga. Disebabkan jumlah penduduk yang tidak ramai (600 orang), perniagaan yang dilakukan merupakan perniagaan yang sama sehingga menimbulkan persaingan. ● Harga yang lebih murah dapat menarik permintaan lebih ramai pelanggan dan menjamin habisnya barang jualan makanan daripada membazir. ● Pesaing ini menjual barang dengan harga yang lebih murah, menawarkan khidmat cash on delivery (COD) dan lebih banyak mengiklankan jualan mereka di group media sosial.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Walau bagaimanapun, jualan yang lebih murah ini tidak menguntungkan setengah-tengah usahawan.
Kos perniagaan yang mahal	<ul style="list-style-type: none"> • Usahawan Felda Jenka 16 • Usahawan Felda Jenka 18 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos barangan asas untuk berniaga seperti minyak, telur, beras dan tepung yang tinggi, serta kos fasiliti di tapak perniagaan. • Usahawan mengatakan bahawa perbelanjaan untuk bahan mentah telah bertambah. Ada hari perniagaan tidak mendapat untung malahan hanya kerugian sahaja. Makanan yang berlebihan hanya boleh diberikan secara percuma menyebabkan duit modal tidak dapat semula. • Terdapat juga usahawan yang masih perlu membayar kos elektrik dan generator untuk khemah kanopinya walaupun keuntungan tidak diperolehi.
Tapak perniagaan yang basah semasa hujan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Felda Jenderak Utara 	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga hanya berniaga di hadapan rumah menggunakan khemah kanopi. • Ketidakmampuan peniaga menyewa tapak kedai memaksa mereka berniaga menggunakan khemah kanopi di hadapan rumah. Namun, apabila hujan, mereka menghadapi masalah kerana khemah menjadi basah. • Selain itu, mereka tidak tahu cara untuk mendapatkan akses kepada dana bantuan perniagaan. Peniaga berharap agar diberikan bantuan berupa tapak berniaga yang berbumbung serta kemudahan untuk membeli kerusi dan meja makan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Infrastruktur warung perniagaan yang teruk	<ul style="list-style-type: none"> ● Peniaga Blok 6 Felda Jenderak Utara 	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengharapkan bantuan untuk membaik pulih keadaan warung yang dibina dihadapan rumah. ● Keadaan lantai warung sudah banyak berlubang, dan berharap dapat menerima bantuan untuk membaik pulih warung serta membina pagar bagi mencegah kecurian, terutama daripada penagih dadah.
Status pemilikan tanah yang perlahan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Paya Sok 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk masih tidak tahu akan status pemilikan tanah mereka walaupun telah memohonnya secara bertahun. ● Penduduk mendapati permohonan untuk memiliki tanah kediaman mereka seringkali diproses secara perlahan. Apabila penduduk gagal membuktikan status pemilikan tanah, penduduk akan menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik di rumah mereka. ● Namun begitu, pihak TNB dan air akhirnya memberikan kemudahan itu kepada mereka selepas mendapat budi bicara daripada ketua kampung yang membantu menjamin penduduk bermasalah ini.
ISU ALAM SEKITAR		
Gangguan bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Paya Sok 	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketiadaan bekalan air sering berlaku dengan dan tanpa notis pemberitahuan. ● Informant memberitahu bahawa kampung sering tiada air dengan tiba-tiba tanpa notis pemberitahuan. ● Sebab terputusnya bekalan air juga tidak diketahui. Paip air juga sering bocor dan dilihat tidak diselenggara dengan

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<p>baik. Setiap kali berlakunya banjir, bekalan air juga sering terputus.</p>
<p>Putus hubungan kerana banjir</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Paya Sok 	<ul style="list-style-type: none"> ● Hanya satu laluan utama untuk keluar daripada kampung ini dan laluan ini seringkali ditenggelami air setiap kali hujan lebat berlaku. ● Hal ini menyebabkan penduduk kampung tidak dapat membeli stok makanan dan keluar bekerja. 10% penduduk bekerja di luar kawasan kampung. ● Penduduk seringkali terputus hubungan dengan kawasan luar setiap kali berlaku banjir kerana laluan utama mudah ditenggelami air.

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: KEKURANGAN TEMPAT MENYEWA DAN TAPAK BERNIAGA

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none">1. Usahawan hanya menumpang di rumah ibu bapa dan menghadapi tekanan untuk terus berniaga di lokasi tersebut.2. Kesukaran mencari rumah sewa baharu yang sesuai untuk dijadikan tempat tinggal dan tapak perniagaan.3. Keadaan jalan di hadapan rumah rosak akibat kekerapan kenderaan berat seperti lori ais menghantar stok.4. Kekurangan pilihan perumahan baharu untuk disewa oleh usahawan.
Cadangan	<p>Bantuan Tapak Perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none">• Mohon bantuan daripada pihak berkuasa tempatan atau agensi berkaitan untuk menyediakan tapak perniagaan yang sesuai bagi usahawan kecil. Contohnya, penyediaan lot kedai sementara atau kawasan khusus untuk perniagaan bahan mentah. <p>Program Perumahan untuk Usahawan</p> <ul style="list-style-type: none">• Usahawan boleh dibantu melalui program perumahan mampu milik atau rumah sewa khas untuk peniaga kecil, dengan menyediakan lokasi yang strategik untuk perniagaan. <p>Penyelenggaraan dan Infrastruktur Jalan</p> <ul style="list-style-type: none">• Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk memperbaiki dan memperkukuhkan jalan di kawasan tersebut agar tahan terhadap kenderaan berat. Alternatif lain adalah menyediakan tempat penghantaran stok yang lebih sesuai dan tidak mengganggu kawasan perumahan. <p>Sokongan Modal dan Geran</p> <ul style="list-style-type: none">• Memberikan bantuan modal atau geran kepada usahawan untuk membantu mereka berpindah ke lokasi baru yang lebih sesuai,

	<p>termasuk kos menyewa rumah dan tapak perniagaan baharu.</p> <p>Penggalakan Jualan Dalam Talian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan usahawan mengembangkan perniagaan mereka secara dalam talian untuk mengurangkan pergantungan kepada lokasi fizikal, sekaligus mengurangkan keperluan kenderaan berat menghantar stok secara kerap.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga • Ibu tunggal
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga Felda 16 • Peniaga Felda 19 • Sekitar kawasan parlimen Kuala Krau
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan kepada mampu milik dan kesaksamaan untuk semua
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	Sasaran 17.1: Memperkukuh penjana sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain

**PENGUTAMAAN ISU 2:
KEKURANGAN INISIATIF UNTUK MEMACU EKONOMI DOMESTIK**

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<p>Kekurangan inisiatif untuk memacu ekonomi domestik dan pembangunan ekonomi setempat.</p> <p>Usaha untuk memajukan ekonomi masih kurang. Kurangnya program dan dasar yang spesifik untuk menggalakkan pembangunan ekonomi setempat.</p> <p>Kurang mendapat sokongan teknologi dan modal untuk meningkatkan produktiviti ekonomi setempat.</p>
Cadangan	1. Keperluan semakan semula dasar dan polisi berkaitan pembangunan di daerah luar bandar
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk tempatan • Belia
Kawasan	Sekitar kawasan parlimen Kuala Krau
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.a: Meningkatkan pelaburan, termasuk melalui peningkatan kerjasama antarabangsa di infrastruktur luar bandar, penyelidikan pertanian dan perkhidmatan lanjutan, pembangunan teknologi dan bank gen tumbuhan dan ternakan untuk meningkatkan keupayaan produktif pertanian di negara membangun, khususnya negara kurang membangun
Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan

	pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.2: Menggalakkan pengindustrian menyeluruh dan mampan, dan menjelang 2030, menaikkan dengan ketara sumbangan pekerjaan dan keluaran dalam negeri kasar dalam industri, selaras dengan keadaan negara, dan menggandakan sumbangannya di negara kurang membangun.
Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan	<p>Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko</p> <p>Sasaran 11.b: Menjelang 2020, peningkatan dengan ketara jumlah bandar raya dan penempatan manusia yang mengguna pakai dan melaksanakan dasar dan pelan bersepadu ke arah penyertaan, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, ketahanan kepadabencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat sejajar dengan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030</p>

PENGUTAMAAN ISU 3: PENINGKATAN KOS SARA HIDUP

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Harga barang keperluan meningkat: Kos barangan asas seperti makanan, minuman, dan keperluan harian semakin mahal. 2. Kenaikan kos perumahan: Sewa rumah dan harga pembelian rumah semakin tinggi, membebaskan isi rumah.
--	--

	<ol style="list-style-type: none"> 3. Kos utiliti dan perkhidmatan meningkat: Bil elektrik, air, internet, dan perkhidmatan lain semakin mahal. 4. Pendapatan tidak seiring dengan inflasi: Gaji atau pendapatan tidak meningkat setara dengan kenaikan kos sara hidup.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Subsidi dan Bantuan Kerajaan: Menyediakan subsidi atau bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah untuk mengurangkan beban kos sara hidup, termasuk bantuan untuk barangan keperluan, kos perumahan, dan utiliti. 2. Peningkatan Gaji dan Insentif Kerja: Meningkatkan gaji minimum dan memberi insentif kepada pekerja untuk mengimbangi inflasi dan kenaikan kos hidup, serta memperkenalkan program latihan untuk meningkatkan kemahiran dan peluang pendapatan. 3. Penyelesaian Pengangkutan dan Infrastruktur: Menambahbaik pengangkutan awam dengan menawarkan tambang lebih murah atau meningkatkan subsidi pengangkutan bagi mengurangkan beban kos pengangkutan, serta mencari cara untuk menstabilkan harga bahan api.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Peneroka Felda Jengka 16 • Peneroka Felda Jengka 18 • Ibu Tunggal • Belia • Penduduk sekitar kawasan Kuala Krau • Peniaga
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekitar kawasan Kuala Krau • Felda 16, 18, 19, 20

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan pengeluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur.	Sasaran 9.4: Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan industri untuk menjadikannya mampan, dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing.
Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerja yang sesuai untuk semua	<p>Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektoryang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh</p> <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p>

	Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangi dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan
--	--

SINOPSIS

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti

Penerbitan 'Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti' ini adalah untuk mendokumentasikan usaha pemetaan lapangan dan analisis situasi secara menyeluruh oleh pasukan APPGM-SDG. Dokumen ini menghimpunkan metodologi dan dapatan daripada 30 lawatan di peringkat akar umbi di pelbagai kawasan Parlimen di Malaysia bagi tahun 2024.

Penyusunan dokumen ini adalah mengikut zon yang merangkumi Zon Utara, Pantai Timur, Tengah dan Selatan bagi kawasan Semenanjung, termasuk wilayah Sabah dan Sarawak. Setiap jilid memuatkan dokumentasi lawatan tapak serta dapatan terperinci daripada setiap lawatan lapangan, sekali gus menambah konteks visual kepada hasil kajian. Selain itu, dokumen ini turut mengetengahkan maklumbalas daripada agensi kerajaan untuk memahami tindakan yang telah diambil dan mengenalpasti solusi terbaik bagi isu berbangkit.

Nilai utama penerbitan ini terletak pada pendekatan yang tersusun dan terperinci dalam memahami isu serta keperluan penduduk setempat. Melalui penglibatan langsung bersama komuniti akar umbi, pasukan APPGM-SDG telah mengenal pasti isu yang perlu diberi perhatian dan mengumpulkan data untuk intervensi bersasar dalam tindakan susulan. Dokumen ini dapat menjadi rujukan komprehensif bagi penggubal dasar, ketua masyarakat, dan penyelidik dalam memahami cabaran ekonomi, sosial, dan alam sekitar dari perspektif akar umbi.

Diharapkan 'Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti' ini dapat memberikan sumbangan yang bernilai dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari. Dokumen ini menekankan kepentingan penggunaan data yang tepat serta mengutamakan pandangan masyarakat untuk merangka polisi dan intervensi yang efektif. Seterusnya, menjadi satu alat kepada individu-individu yang berusaha membawa perubahan bermakna dalam komuniti mereka kelak.



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>

ISBN 978-629-7752-02-0

